



BAJET 2013



Kementerian Kewangan Malaysia

ISBN 978-983-99978-4-2



9 789839 997842

Teks:

*Kementerian Kewangan Malaysia
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA*

Rekabentuk dan dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Kandungan



	Muka Surat
MUQADDIMAH	2
PRESTASI EKONOMI 2012 DAN PROSPEK 2013	4
PERUNTUKAN BAJET 2013	5
FOKUS BAJET 2013	7
FOKUS PERTAMA:	
MERANGSANG AKTIVITI PELABURAN	7
Menggalak Pelaburan Domestik	8
Mempergiat Perusahaan Kecil dan Sederhana	8
Malaysia Sebagai Hab Minyak dan Gas	10
Merancang Sektor Pelancongan	11
Meningkat Aktiviti Pertanian	11
Kelestarian Jaminan Bekalan Makanan	12
Membela Nasib Petani dan Nelayan	13
Mencergaskan Pasaran Modal dan Kewangan	14
Menggalakkan Amanah Perniagaan	16
Wakaf Korporat	18
Pembangunan Usahawan Bumiputera	19

	Muka Surat
FOKUS KEDUA:	
MEMPERKASA PENDIDIKAN DAN LATIHAN	20
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	20
Memperkukuh Pendidikan Awal Kanak- Kanak	22
Latihan dan Kemahiran	23
FOKUS KETIGA:	
MEMBUDAYA INOVASI, MENINGKAT PRODUKTIVITI	26
Harta Intelek (IP) Sebagai Cagaran	26
Penyelidikan dan Pembangunan	26
Mempergiat Pelaburan Modal Teroka oleh Pelabur Individu	27
Menyemarak Inovasi Inklusif	28
Pembangunan Teknologi Hijau	28
FOKUS KEEMPAT:	
KONSOLIDASI FISKAL DAN MEMPERCEKAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM	29
Konsolidasi Fiskal	29
Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia	31
FOKUS KELIMA:	
MENSEJAHTERAKAN RAKYAT	34
Mewujud Kejiranan yang Selamat dan Harmoni	34

	Muka Surat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	37
Memacu Transformasi Komuniti	37
Pusat Transformasi Bandar	38
Pusat Transformasi Luar Bandar	38
Pembangunan Luar Bandar dan Masyarakat Orang Asli	39
Kesihatan Asas Kesejahteraan	40
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	40
Belia dan Sukan	42
Mengiktiraf Karyawan dan Seniman	44
Memperluas Jaringan Pengangkutan Awam Bandar	45
Perumahan untuk Rakyat	45
Kajian Semula Cukai Keuntungan Hartanah	48
Galakan Cukai untuk Memulih Projek Perumahan Terbengkalai	48
Bantuan dan Insentif Rakyat	49
Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)	50
Penyeragaman Harga	51
Mempermudah Ibadah Haji	52
Kajian Semula Cukai Pendapatan Individu dan Koperasi	53
Meringankan Beban Pengusaha Bas Sekolah	54
Mengurangkan Kos Pembelajaran Pelajar	54
Program Jalur Lebar untuk Rakyat Termiskin di Bandar	56
Menggalakkan Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat	57
PENUTUP	59

“Kerajaan ini adalah Kerajaan rakyat, dari rakyat untuk rakyat. Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat adalah objektif tertinggi..... Sesungguhnya, kita mahukan Malaysia yang tersanjung di persada antarabangsa. Malaysia yang makmur dan aman. Malaysia yang menjadi cahaya dan oasis di tengah-tengah ketidaktentuan global. Mudah-mudahan dengan izin-Nya dan sokongan padu rakyat, kita bakal membina sebuah realiti dari impian. Kepada Allah kita berserah.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan Malaysia




YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia

EKONOMI NEGARA 2013


PADA HARGA MALAR 2005

PENGELUARAN DALAM NEGERI



IMPORT


PERMINTAAN DALAM NEGERI



PERMINTAAN LUAR NEGERI

¹ Termasuk perubahan stok.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2013



1 Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan.
 2 Tidak termasuk simpanan luar jangka.
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

UCAPAN BAJET TAHUN 2013

Oleh

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

**KETIKA MEMBENTANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2013)**

**DI DEWAN RAKYAT
PADA JUMAAT, 28 SEPTEMBER 2012**

***“MEMAKMUR NEGARA, MENSEJAHTERA RAKYAT:
SEBUAH JANJI DITEPATI”***

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk **“Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu”** dibaca bagi kali kedua.

MUQADDIMAH

Saya mulakan lafaz ucapan Bajet 2013 dengan kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim dan memetik sepotong ayat dari Surah Al-Baqarah yang diturunkan di Madinah, bahawa:

“Berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan menghimpunkan kamu semua pada hari kiamat untuk menerima balasan. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya berdiri di dewan yang mulia pada petang Jumaat yang berbahagia, penghulu segala hari, untuk membentangkan bajet kelima bagi pihak Kerajaan semenjak mula memegang amanah selaku Menteri Kewangan Malaysia pada tahun 2008. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah rahmatNya jua, kita telah menyaksikan sepanjang tempoh tersebut, melalui usaha kolektif rakan-rakan anggota pentadbiran dengan sokongan ahli-ahli parlimen, penjawat awam dan seluruh rakyat Malaysia, negara tercinta ini telah berjaya dilindungi daripada kesan terburuk akibat kegawatan kewangan global. Bahkan, ekonomi negara telah diletakkan di atas landasan pertumbuhan mapan ke arah transformasi sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Manakala kesejahteraan rakyat pula telah dipertingkatkan secara berterusan.

2. Sesungguhnya, Bajet 2013 ini sebagai penerus tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional memakmurkan negara dan membawa kesejahteraan kepada semua rakyat. Ia manifestasi sebuah janji yang ditepati. Sejak 55 tahun lalu, pada setiap peringkat pembangunan negara, rakyat Malaysia

telah meletakkan kepercayaan mereka kepada Kerajaan yang sama. Terima kasih kita ucapkan atas kepercayaan tersebut. Sekali-kali sepanjang masa dan musim berguling ia tidak pernah dikhianati, sebaliknya pada setiap ketika ia telah dibalas dengan laba pada julat berganda.

3. Kerajaan ini hakikatnya tidak pernah menjanjikan bulan, bintang mahupun cakerawala. Kita tidak pernah melakar lukisan yang pada hari ini tampak muluk-muluk dan indah tetapi sebenarnya berupa racun yang berbisa. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tetap menceritakan kebenaran biarpun kelat. Kita tidak pernah mendodoi rakyat dengan dogongan lipurlara sebaliknya sentiasa menawarkan penyelesaian serta kepimpinan bitara terhadap segala permasalahan rakyat.

4. Telah terbukti tanpa tersanggah lagi bahawa ekonomi Malaysia merupakan ekonomi berteraskan rakyat. Ia hasil wawasan dan aspirasi rakyat. Ia merupakan manifestasi kerja keras dan jerih payah rakyat. Ia sumbangan masyarakat desa dan bandar, golongan profesional serta pekerja kolar biru, petani, buruh, peladang, pekebun kecil, nelayan, guru, pensyarah dan karyawan. Didukung pula para penjawat awam dan usahawan. Di atas segalanya, ia diuruskan dengan teliti dan berhemah oleh Kerajaan yang meletakkan kebajikan rakyat di atas jermalanya. Inilah formula kejayaan Malaysia.

5. Sayugia, mengurus sebuah negara majmuk yang kompleks seperti Malaysia bukan perkara yang mudah. Ia memerlukan keikhlasan dan kebijaksanaan kerana rakyat Malaysia amat cerdik menilai yang mana intan dan yang mana kaca. Hakikatnya rakyat telah memberi mandat kepada Kerajaan ini sebanyak 12 kali tanpa putus semenjak 1959 bermakna sesuatu yang betul telah dilakukan oleh Kerajaan yang sedia ada.

6. Sesungguhnya waad yang wujud itu, di antara rakyat dan Kerajaan selama ini mana mungkin mampu dipunahkan waima sekuat mana pun fitnah dan mehnah melanda. Sehubungan itu, naskah bajet yang akan saya persembahkan ini merupakan sebuah penghargaan kepada seluruh rakyat Malaysia lantaran terus meletakkan kepercayaan kepada kami di sepanjang ketika.

PRESTASI EKONOMI 2012 DAN PROSPEK 2013

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang meskipun dalam persekitaran global yang tidak menentu dan mencabar. Asas ekonomi yang kukuh serta didokong oleh sistem monetari akomodatif telah membolehkan ekonomi negara berada di landasan teguh. Dalam tempoh separuh pertama 2012, ekonomi negara tumbuh pada kadar 5.1 peratus didorong, terutamanya oleh kekukuhan aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta. Negara terus menerima kemasukan pelaburan langsung asing bersih berjumlah 13.6 bilion ringgit selaras dengan peningkatan keyakinan pelabur terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan utama.

8. Bagi keseluruhan tahun 2012, walaupun pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia sederhana, pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang kukuh pada kadar 4.5 peratus hingga 5 peratus. Pertumbuhan ini dipacu oleh pelaburan swasta sebanyak 11.7 peratus atau mencapai 127.9 bilion ringgit. Prestasi ini jauh lebih besar berbanding jumlah pelaburan sebanyak 81 bilion ringgit pada tahun 2009. Trend ini menunjukkan aktiviti pelaburan domestik semakin rancak, terutama dengan pelaksanaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi. Ini mendorong

sektor pembinaan terus melonjak tinggi sebanyak 15.5 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun 2011.

9. Persekitaran ekonomi domestik yang mantap juga mendorong bursa saham mencatat prestasi yang menggalakkan. Ini terbukti dengan Indeks Komposit Bursa Malaysia telah mencecah rekod tertinggi 1,654.11 mata pada 4 September 2012. Nilai modal pasaran telah meningkat sebanyak 44 peratus daripada 999 bilion ringgit pada akhir tahun 2009 kepada 1.43 trilion ringgit pada akhir Julai 2012. Pendapatan per kapita pula meningkat kepada hampir 31 ribu ringgit pada tahun 2012 berbanding 25 ribu ringgit pada tahun 2009. Rizab antarabangsa pada 14 September 2012 pula kekal kukuh mencatat 432.2 bilion ringgit, mampu membiayai 9.5 bulan import tertanggung dan 3.9 kali hutang luar jangka pendek.

10. Pada tahun 2013, berdasarkan persekitaran ekonomi global yang dijangka lebih baik, pertumbuhan ekonomi negara diunjur berkembang lebih kukuh pada kadar 4.5 peratus hingga 5.5 peratus. Julung kalinya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal dijangka melepasi paras 1 trilion ringgit. Pertumbuhan lebih baik ini didorong oleh pelaburan dan penggunaan swasta sebanyak 13.3 peratus dan 5.7 peratus. Sektor pembinaan dijangka terus meningkat kukuh 11.2 peratus diikuti oleh sektor perkhidmatan pada kadar 5.6 peratus.

PERUNTUKAN BAJET 2013

Tuan Yang di-Pertua,

11. Bajet 2013 akan menyediakan peruntukan sebanyak 251.6 bilion ringgit bagi melaksanakan semua langkah, program dan projek pembangunan, menumpukan kepada kesejahteraan

rakyat dan pembangunan negara. Daripada jumlah tersebut, 201.9 bilion ringgit adalah bagi perbelanjaan mengurus dan 49.7 bilion ringgit bagi peruntukan pembangunan.

12. Di bawah peruntukan mengurus, sejumlah 58.6 bilion ringgit adalah bagi Emolumen dan 33.7 bilion ringgit disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan. Manakala, 107.3 bilion ringgit diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Sejumlah 1.1 bilion ringgit disediakan untuk Pembelian Aset dan baki 1.2 bilion ringgit untuk perbelanjaan lain.

13. Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah 30 bilion ringgit disediakan bagi sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur, perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Sejumlah 11.1 bilion ringgit diperuntukkan bagi sektor sosial, termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat. Seterusnya, 4.6 bilion ringgit diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan, 2 bilion ringgit bagi pentadbiran am dan 2 bilion ringgit untuk simpanan luar jangka.

14. Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013, jumlahnya dianggarkan 208.6 bilion ringgit, berbanding 207.2 bilion ringgit pada tahun 2012. Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan, defisit Kerajaan Persekutuan akan terus berkurangan kepada 4.0 peratus daripada KDNK bagi tahun 2013, berbanding 4.5 peratus pada tahun 2012. Ini menunjukkan Kerajaan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal ke paras lebih rendah.

FOKUS BAJET 2013

Tuan Yang di-Pertua,

15. Bajet 2013 digubal dengan fokus untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara, memastikan pertumbuhan ekonomi mapan, perbelanjaan berhemah dan mengurangkan defisit fiskal negara dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan memastikan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik serta manfaat maksimum hasil daripada pelaksanaan program dan projek pembangunan. Oleh itu, Bajet 2013 dirangka bertemakan “**MEMAKMUR NEGARA, MENSEJAHTERA RAKYAT: SEBUAH JANJI DITEPATI**” dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama.

FOKUS PERTAMA: MERANGSANG AKTIVITI PELABURAN

Tuan Yang di-Pertua,

16. Pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu oleh pelaburan langsung asing dan domestik. Dalam tempoh separuh pertama 2012, pelaburan swasta meningkat kepada 75.3 bilion ringgit berbanding 59.8 bilion ringgit bagi tempoh yang sama tahun 2011. Trend ini dijangka berterusan dalam tahun 2013 dengan pelaburan swasta dijangka meningkat kepada 148.4 bilion ringgit.

17. Kerajaan akan terus memperhebatkan pelaksanaan 12 Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA). Sejumlah 3 bilion ringgit diperuntukkan bagi pelaksanaan projek permulaan bagi tahun 2013. Ini termasuk 1.5 bilion ringgit bagi projek pertanian seperti kelapa sawit, getah, herba bernilai tinggi dan padi. Sebanyak 500 juta ringgit diperuntukkan untuk projek *River of Life* bagi mengindahkan Sungai Klang.

Manakala, 300 juta ringgit lagi untuk projek pemulihan rangkaian paip dan pembentungan bagi perkhidmatan dan kemudahan air.

Menggalak Pelaburan Domestik

Tuan Yang di-Pertua,

18. Seterusnya, bagi merangsang pelaburan domestik dan mempercepatkan penyertaan syarikat Malaysia dalam rangkaian bekalan global, Kerajaan telah menyediakan Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai 1 bilion ringgit di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Dana ini bertujuan memanfaatkan aktiviti penyumberan luar dan pemerolehan teknologi oleh syarikat tempatan. Selain itu, Kerajaan juga memperkenalkan semula insentif pengambilalihan syarikat asing dan kadar cukai khas bagi menggalakkan penyedia perkhidmatan tempatan bergabung menjadi entiti lebih besar.

Mempergiat Perusahaan Kecil dan Sederhana

19. Seperti kita maklum, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi negara. Bagi mempercepatkan pertumbuhan industri PKS dan perluasan skop kawasan industri di seluruh negara, dana sebanyak 1 bilion ringgit akan disediakan di bawah Skim Pembangunan PKS bawah kendalian SME Bank. Langkah ini memudahkan akses PKS untuk mendapat pembiayaan dan seterusnya memajukan perniagaan mereka.

20. Ini selari dengan Pelan Induk PKS (2012 - 2020) yang telah dilancarkan yang bertindak sebagai '*game changer*' untuk mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui inovasi

dan produktiviti. Pelan induk ini melibatkan pelaksanaan 32 inisiatif termasuk 6 Program Berimpak Tinggi dengan peruntukan 30 juta ringgit.

21. Dalam mempergiatkan Industri Halal, terutamanya membangunkan produk-produk halal berimpak tinggi untuk tujuan eksport, SME Bank dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam akan menyediakan Dana Industri Halal sebanyak 200 juta ringgit bagi membiayai modal kerja PKS terlibat.

22. Pada masa ini, terdapat 1.5 juta penjaja dan peniaga kecil menjalankan perniagaan secara tradisional dengan struktur perniagaan kecil dan pendapatan harian tidak menentu. Sehubungan itu, sebagai tanda keprihatinan dengan kekangan yang dihadapi oleh mereka sekiranya berlaku kemudaratan diri, hilang upaya serta kematian, Kerajaan mencadangkan skim perlindungan insurans berkelompok kepada penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Skim ini akan memberi had perlindungan maksimum sehingga 5,000 ringgit. Buat pertama kalinya, Kerajaan akan membiayai skim ini dengan peruntukan sebanyak 16 juta ringgit setahun.

23. Di samping itu, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan memperkenalkan program *Business In Transformation* bagi menyokong usaha bersepadu memodenkan perniagaan golongan penjaja dan peniaga kecil kepada standard yang lebih tinggi dan berdaya saing dengan menggunakan model *licensing* atau *franchising*. Program ini akan memberi bimbingan dan khidmat nasihat ke atas konsep perniagaan baru seperti kedai bergerak, kiosk dan perniagaan atas talian. Untuk ini, PNS akan menyediakan kemudahan kepada penjaja dan peniaga kecil dengan pinjaman sehingga 25 ribu ringgit bagi *licensee* dan 500 ribu ringgit kepada *licensor*.

Malaysia Sebagai Hab Minyak dan Gas

Tuan Yang di-Pertua,

24. Kita bersyukur kerana dikurniakan punca galian berharga iaitu minyak dan gas asli di pesisir pantai. Kerajaan bermatlamat menjadikan Malaysia daripada sekadar pengeluar, kepada salah satu hab dagangan minyak dan gas bersepadu utama dunia.

25. Jadi, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik meningkatkan keupayaan negara terutamanya dalam menyediakan ekosistem yang berupaya menyokong pembangunan rantai penapisan, penyimpanan dan dagangan. Bagi mendokong penglibatan pengusaha swasta dalam pembangunan industri minyak dan gas, pelbagai insentif cukai dan insentif bukan cukai istimewa telah dirangka. Ini termasuk bantuan kos pengambilalihan tanah dan bantuan kewangan sebagai *tipping point* projek perkongsian awam swasta, pengecualian cukai pendapatan 100 peratus untuk tempoh 10 tahun, pengecualian cukai pegangan dan pengecualian duti setem.

26. Bagi pelaburan dalam aktiviti penapisan produk petroleum, Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus untuk tempoh 10 tahun diberi kepada yang layak. Hasil insentif, pelbagai projek pelaburan minyak dan gas bernilai 20 bilion dolar US telah dimulakan termasuk projek *Petronas Refinery and Petrochemical Integrated Development* atau RAPID, Terminal Simpanan Minyak dan Gas di Johor, Loji Regasifikasi di Melaka dan terminal minyak serta gas di Sipitang, Sabah.

27. Pada tahun lepas, Kerajaan juga telah melancarkan Program *Global Incentive for Trading* atau GIFT dengan galakan cukai pada kadar 3 peratus. Sehubungan dengan

permintaan global Gas Asli Cecair (LNG) yang dijangka mencecah 400 juta tan setahun pada tahun 2025, program GIFT ditambah baik dengan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 3 tahun pertama operasi bagi syarikat dagangan. Dagangan komoditi yang diluluskan akan diperluaskan kepada lain-lain komoditi seperti pertanian, bahan mentah bertapis, logam asas dan kimia.

Merancang Sektor Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua,

28. Industri pelancongan merupakan satu sektor pertumbuhan ekonomi penting yang menyumbang hampir 12 peratus KDNK. Jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan dianggar akan meningkat kepada 62 bilion ringgit pada tahun 2012. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2013/2014, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 358 juta ringgit di bawah perbelanjaan pembangunan iaitu peningkatan peruntukan sebanyak 42 peratus dengan sasaran pelancong seramai 26.8 juta orang. Kerajaan juga mencadangkan lanjutan pengecualian cukai pendapatan selama 3 tahun bagi pengusaha pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 750 pelancong asing atau 1,500 pelancong tempatan setahun.

Meningkat Aktiviti Pertanian

29. Di sudut lain, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan. Diperuntukkan sebanyak 5.8 bilion ringgit, kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

30. Kerajaan menyediakan sebanyak 30 juta ringgit bagi pembangunan program pertanian merangkumi aplikasi penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran buah dan sayuran, peningkatan pembekalan benih berkualiti, penstabilan harga melalui jualan terus dari ladang, pewujudan pasar ikan rakyat serta penambahbaikan institusi latihan pertanian. Kerajaan juga mempersiapkan sebanyak 75 juta ringgit bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan kesihatan.

31. Bagi sektor perladangan pula, di bawah NKEA, sebanyak 432 juta ringgit disediakan untuk program penanaman semula pokok kelapa sawit. Langkah ini akan meningkatkan tuaian hasil buah sawit setahun pada kadar 26.2 tan sehektar pada tahun 2020 berbanding 21 tan sehektar pada masa ini. Di samping itu, sebanyak 127 juta ringgit disediakan untuk pembangunan bahan terbitan oleo bernilai tinggi yang dapat mengubah komposisi industri hiliran ke arah pengeluaran lebih banyak bahan terbitan.

Kelestarian Jaminan Bekalan Makanan

Tuan Yang di-Pertua,

32. Berkaitan kelestarian jaminan bekalan makanan pada masa akan datang, kawasan jelapang padi sedia ada akan ditambahbaik dengan sistem pengurusan tanamannya secara sistematik. Sebagai tambahan, 4 kawasan jelapang padi baru akan dibuka dan diperluas iaitu di Kota Belud, Batang Lupar, Rompin dan Pekan. Pada masa ini, kawasan jelapang padi bertanam adalah seluas 389 ribu hektar yang mampu menghasilkan sebanyak 1.8 juta tan metrik. Pertambahan 4 lagi kawasan jelapang padi baru seluas 19 ribu hektar dengan penyertaan seramai 12,237 pesawah dijangka menghasilkan 104 ribu tan metrik dengan perbelanjaan sebanyak 140 juta ringgit.

Membela Nasib Petani dan Nelayan

33. Kerajaan amat menghargai sumbangan para nelayan dan sentiasa memastikan kedudukan sosioekonomi golongan ini bertambah baik dan pendapatan mereka meningkat. Pada masa ini, Kerajaan memberi elaun bantuan sara hidup 200 ringgit sebulan yang dapat memanfaatkan 55 ribu nelayan berdaftar. Kerajaan juga menyediakan insentif pada kadar 10 sen hingga 20 sen sekilo bagi menggalakkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan di jeti-jeti berdaftar seluruh negara.

34. Kerajaan juga telah memperkenalkan skim perlindungan insurans nelayan dengan perlindungan maksimum 100 ribu ringgit. Meneruskan hasrat ini, bagi tahun 2013, Kerajaan akan memperuntukkan 230 juta ringgit sebagai insentif tangkapan ikan dan bayaran elaun bantuan sara hidup nelayan. Di samping itu, berdasarkan peruntukan 300 juta ringgit pada Bajet 2012, program pembangunan dan pembaikan rumah nelayan sedang giat dijalankan.

35. Bagi membantu para petani mengurangkan kos pengeluaran pula, Kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif pertanian sedia ada berjumlah 2.4 bilion ringgit. Bantuan ini termasuk subsidi dan insentif untuk sektor padi yang merangkumi Pemberian Subsidi Harga Padi - 480 juta ringgit, Pemberian Subsidi Baja Padi - 465 juta ringgit, Insentif Peningkatan Hasil Padi - 80 juta ringgit, Insentif Pengeluaran Padi - 563 juta ringgit, Subsidi Harga Beras - 528 juta ringgit dan Subsidi Benih Padi Sah - 85 juta ringgit.

36. Selaras dengan komitmen untuk menjaga kebajikan rakyat, terutama pengusaha sawah, buat julung kalinya, Kerajaan akan memperkenalkan Skim Perlindungan Takaful Padi. Skim ini memberi kemudahan perlindungan kepada pengusaha sawah di bawah 10 hektar dan dijangka dapat

memanfaatkan 172 ribu pesawah. Jumlah pampasan yang dapat diterima dianggarkan bernilai 13 ribu ringgit setiap pesawah. Buat permulaan, Kerajaan akan memperuntukkan 50 juta ringgit.

37. Selain itu, Kerajaan akan meneruskan Projek Azam Tani yang diperkenalkan pada tahun 2011. Program ini telah berjaya mengeluarkan seramai 1,234 keluarga daripada garis kemiskinan dengan purata pendapatan meningkat di antara 200 hingga 2,000 ringgit sebulan malah beberapa peserta telah berjaya mendapat pendapatan melebihi 10 ribu ringgit sebulan. Untuk memperkasakan lagi usaha ini, sebanyak 41 juta ringgit akan diperuntukkan bagi memberi manfaat kepada 6,730 peserta.

Mencergaskan Pasaran Modal dan Kewangan

Tuan Yang di-Pertua,

38. Pasaran modal negara berkembang pesat walaupun terdapat ketidaktentuan dalam ekonomi global. Malaysia terus menerajui terbitan sukuk dengan menyumbang 71 peratus atau 171 bilion ringgit daripada jumlah terbitan sukuk global dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Ini terbukti dengan terbitan sukuk tunggal terbesar di dunia oleh PLUS Berhad bernilai 30.6 bilion ringgit.

39. Di samping itu, industri pengurusan dana dan amanah saham menunjukkan pertumbuhan kukuh dalam tempoh pertama 2012 dengan aset yang diuruskan meningkat kepada 451.9 bilion ringgit dan nilai aset bersih sebanyak 277.8 bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

40. Pada tahun 2012, pasaran ekuiti negara telah mencatat peningkatan yang monumental dengan menyaksikan tawaran awam awal atau IPO yang bernilai 17.4 bilion ringgit. Ia merupakan peningkatan 162 peratus berbanding 2011. Sejarah tercipta apabila dua daripada tiga IPO terbesar di dunia iaitu *Felda Global Ventures Holdings* (FGVH) dengan nilai 9.9 bilion ringgit dan *IHH Healthcare Berhad* dengan nilai 6.3 bilion ringgit telah diterbitkan. Terkini, Astro akan disenaraikan pada bulan Oktober 2012 dengan jangkaan nilai terbitan yang besar.

41. Untuk terus mencergaskan pasaran modal dan ekuiti negara, Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan menyediakan rangka kerja bagi terbitan AgroSukuk untuk syarikat yang terlibat dalam sektor pertanian, terutamanya dengan kejayaan penyenaaran FGVH. Dengan terdapatnya instrumen seperti AgroSukuk, ia dapat mengumpulkan modal bagi membiayai syarikat-syarikat pertanian dan industri asas tani. Justeru, untuk menggalakkan terbitan AgroSukuk, Kerajaan mencadangkan perbelanjaan bagi menerbitkan sukuk tersebut diberi potongan cukai dua kali bagi tempoh 4 tahun mulai tahun taksiran 2012 hingga 2015.

42. Selain daripada pelabur institusi, buat pertama kalinya, Kerajaan menggalakkan pelabur runcit menyertai pasaran modal. Bagi tujuan ini, SC telah menyediakan satu rangka kerja terbitan bon dan sukuk runcit untuk membolehkan pelabur-pelabur runcit memiliki pegangan dalam pasaran bon dan sukuk. Sebagai permulaan, DanaInfra Nasional Berhad akan menerbitkan bon runcit bernilai 300 juta ringgit pada akhir tahun 2012 untuk membiayai pembangunan projek MRT.

43. Bagi mendorong syarikat menerbitkan bon dan sukuk runcit, Kerajaan mencadangkan perbelanjaan tambahan menerbitkan bon dan sukuk runcit tersebut diberi potongan cukai dua kali mulai tahun taksiran 2012 hingga 2015. Pada masa yang sama, pelabur individu pula, diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara yang terlibat dalam urus niaga bon dan sukuk runcit.

44. Suruhanjaya Sekuriti akan menubuhkan Pusat Promosi Pasaran Modal bagi memastikan keberkesanan dan promosi secara holistik pasaran modal Malaysia di peringkat antarabangsa. Pusat ini akan memastikan pendekatan bersepadu dengan menyediakan inisiatif yang konsisten untuk menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan pendanaan.

45. Bagi meningkatkan penawaran golongan profesional untuk menyokong pertumbuhan pasaran modal, SC akan memperkenalkan inisiatif *Graduate Representative Program*. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta bagi melatih 1,000 graduan supaya dapat memenuhi keperluan industri sekuriti dan derivatif.

Menggalakkan Amanah Perniagaan

Tuan Yang di-Pertua,

46. Pengendalian perniagaan melalui suatu entiti amanah mempunyai kelebihan tertentu, terutamanya dari segi meningkatkan keupayaan untuk memperoleh sumber kewangan berdasarkan aset yang dimiliki. Dengan itu, Kerajaan telah meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk menyediakan pilihan pengendalian perniagaan melalui struktur baru iaitu amanah perniagaan (*business trust*).

47. Selaras dengan ini, Kerajaan mencadangkan amanah perniagaan diberi layanan cukai sama seperti sesebuah syarikat. Seterusnya, bagi menggalakkan pembangunan amanah perniagaan, adalah dicadangkan pindah milik perniagaan, aset dan hartanah milik syarikat kepada amanah perniagaan diberi pengecualian duti setem dan pengecualian cukai keuntungan harta tanah di peringkat awal penubuhan amanah perniagaan.

48. Kerajaan telah menubuhkan Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) agar syarikat yang berdaya maju mendapat dana melalui pasaran bon pada kos yang munasabah. Danajamin telah meluluskan jaminan berjumlah 9.3 bilion ringgit nilai terbitan bon kepada 30 syarikat dengan 4.2 bilion ringgit bon dan sukuk telah diterbitkan. Langkah ini telah membolehkan syarikat menjana aktiviti ekonomi dalam pelbagai sektor termasuk hartanah, infrastruktur, perladangan, minyak dan gas, pembinaan, perkilangan serta penerbangan.

49. Bagi merancakkan lagi akses syarikat ke pasaran modal, Kerajaan akan menambah peruntukan modal Danajamin sebanyak 400 juta ringgit dalam tempoh 2 tahun. Suntikan ini dapat melipatgandakan nilai terbitan antara 4 hingga 6 bilion ringgit.

50. Kerajaan turut mengumumkan penubuhan Yayasan Pasaran Modal sebagai usaha bersepadu meningkatkan kompetensi dan keupayaan untuk bersaing dalam landskap pasaran modal yang lebih dinamik. Yayasan ini akan memberi fokus kepada 3 aspek utama iaitu pembangunan PKS, menggalak dan menyokong produk inovasi dan pembangunan modal insan. Sehubungan dengan itu, sejumlah 100 juta ringgit akan disediakan kepada Yayasan ini melalui Tabung Pembangunan Pasaran Modal di bawah kawal selia SC.

51. Sebagai salah satu inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan antarabangsa serta menarik FDI, Kerajaan telah melancarkan Tun Razak *Exchange* atau TRX pada 30 Julai 2012 dengan nilai pembangunan kasar sebanyak 26 bilion ringgit. TRX akan memberi peluang pelaburan baru dengan menghubungkan komuniti perniagaan dan pasaran global. TRX dijangkakan menarik 250 syarikat perkhidmatan kewangan antarabangsa dan menawarkan 40 ribu peluang pekerjaan mahir dan berpengetahuan.

52. Untuk mengalakkan institusi kewangan antarabangsa utama menjadikan Kuala Lumpur sebagai pilihan pelaburan, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun kepada syarikat berstatus TRX, pengecualian duti setem, elaun bangunan industri, elaun modal dipercepatkan kepada syarikat berstatus TRX Marquee dan pengecualian cukai bagi pemaju hartanah telah diberikan. Kerja pembinaan awal TRX berjalan lancar mengikut jadual. Manakala, pengalihan kemudahan utiliti sedia ada di tapak TRX pula sedang giat dijalankan dan dijangka selesai pada Oktober 2012.

Wakaf Korporat

Tuan Yang di-Pertua,

53. Kerajaan mengambil maklum bahawa Majlis Agama Islam Negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf dan dana wakaf dalam sesebuah negeri. Institusi wakaf di Malaysia tidak hanya tertumpu pada pembangunan tanah semata-mata tetapi juga merangkumi wakaf dalam bentuk tunai, saham dan instrumen kewangan lain yang dikategorikan sebagai wakaf korporat. Selaras dengan itu, Yayasan Wakaf Malaysia di bawah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji akan diberi tanggungjawab untuk merangka pelan induk Wakaf Korporat mengambil kira

struktur perundangan Agama Islam Negeri. Pelan induk ini bakal menjadi platform pembangunan wakaf korporat di Malaysia.

Pembangunan Usahawan Bumiputera

Tuan Yang di-Pertua,

54. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan syarikat Bumiputera dapat bersaing secara seimbang dalam pemilikan syarikat besar, pekerjaan berpendapatan tinggi serta pelaburan dalam sektor utama ekonomi. Pada tahun 2010, ekuiti Bumiputera telah meningkat kepada 23 peratus berbanding 22 peratus pada tahun 2008. Salah satu usaha ialah meningkatkan penglibatan syarikat Bumiputera dalam pelaksanaan jajaran pertama projek MRT. Sesungguhnya, penglibatan syarikat Bumiputera dalam projek berimpak tinggi seperti MRT akan meningkatkan keupayaan dan kemahiran syarikat Bumiputera tempatan. Justeru, sebanyak 9 bilion ringgit atau 43 peratus daripada nilai kos infrastruktur projek MRT diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera.

55. Usaha juga akan diambil bagi membantu syarikat PKS Bumiputera untuk berkembang dan mempertingkatkan pegangan ekuiti dalam sektor ekonomi. Sehubungan ini, Dana Pembiayaan Bumiputera berjumlah 1 bilion ringgit akan disediakan oleh SME Bank. Dana ini dijangka dapat membantu PKS tempatan bagi tujuan membiayai pengambilalihan anak syarikat milik GLC yang menjalankan aktiviti bukan teras dan telah dikenal pasti untuk dijual. Setakat ini, 2 GLC telah mengenal pasti anak-anak syarikat yang berpotensi untuk dijual kepada pelabur-pelabur Bumiputera.

56. Kerajaan telah memperkenalkan Skim Jaminan Modal Kerja dengan dana sebanyak 10 bilion ringgit bagi membantu

syarikat PKS mendapatkan akses pembiayaan modal kerja. Skim ini memberi jaminan maksimum sehingga 2.5 juta ringgit bagi setiap syarikat yang layak. Pada masa ini, dana Skim ini yang dikhaskan kepada syarikat Bumiputera masih berbaki 900 juta ringgit. Bagi menarik lebih banyak syarikat Bumiputera menikmati kemudahan Skim ini, Kerajaan akan melanjutkan tempoh tamat program Skim ini sehingga 31 Disember 2013, memperluas Skim ini kepada syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi dan meningkatkan kelayakan dana pemegang saham syarikat daripada 10 juta ringgit kepada tidak melebihi 20 juta ringgit.

57. Kemudahan pinjaman secara mudah dan cepat sering kali menjadi kekangan kepada usahawan kecil terutama Bumiputera. Dengan tertubuhnya Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), usahawan kecil kini mampu memulakan dan memajukan lagi perniagaan mereka. Sehingga kini, TEKUN telah menyalurkan pinjaman sebanyak 2.24 bilion ringgit kepada 224,175 usahawan kecil di seluruh negara termasuk sejumlah 34.5 juta ringgit kepada 4,212 usahawan masyarakat India di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Bagi tahun 2013, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak 350 juta ringgit, termasuk daripadanya 50 juta ringgit kepada masyarakat India.

FOKUS KEDUA: MEMPERKASA PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

58. Sememangnya sejak merdeka, Kerajaan telah menjadikan bidang pendidikan sebagai agenda utama negara. Kerajaan juga menyedari pelaburan dalam

bidang ini adalah prasyarat kepada sebuah negara yang makmur dan pembangunan rakyat yang sejahtera. Lalu, setiap tahun menyaksikan peruntukan besar dan kali ini 21 peratus daripada keseluruhan bajet. Namun, didapati hasil yang diperolehi tidak setara dengan pelaburan yang telah dibuat. Maka, pada 11 September lepas, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi memastikan sistem pendidikan negara akan mampu mengoptimumkan potensi setiap anak Malaysia.

59. Bagi Bajet 2013, sebanyak 38.7 bilion ringgit telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran meliputi peruntukan mengurus dan pembangunan.

60. Berbicara tentang itu, langkah meningkat upaya kompetensi dan kualiti guru merupakan prasyarat kritikal yang menunjang kejayaan sistem pendidikan negara. Oleh itu, bagi menjana mula prakarsa ini, di samping 38.7 bilion ringgit peruntukan kepada Kementerian Pelajaran bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak 500 juta ringgit bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras, yakni Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui pendekatan *Higher Order Thinking Skills*. Peruntukan ini juga merangkumi penubuhan Unit Pelaksanaan Pendidikan atau *Education Delivery Unit* bagi memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan transformasi pelan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

61. Pada pembentangan Bajet 2012, Kerajaan telah menyediakan sebanyak 1 bilion ringgit di bawah Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah khusus bagi keperluan mendesak untuk membaik-pulih

bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Untuk meneruskan komitmen Kerajaan, sukacita saya mengumumkan tambahan 1 bilion ringgit lagi kepada Tabung khas ini. Daripada jumlah ini, 400 juta ringgit akan disalurkan kepada Sekolah Kebangsaan, 100 juta ringgit kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 100 juta ringgit Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, 100 juta ringgit Sekolah Mubaligh, 100 juta ringgit Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, 100 juta ringgit Sekolah Berasrama Penuh dan 100 juta ringgit kepada Maktab Rendah Sains MARA.

Memperkukuh Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Tuan Yang di-Pertua,

62. Melangkah ke ruang pendidikan awal kanak-kanak, kualiti pendidikan prasekolah amat penting sebagai platform melengkapkan kanak-kanak dengan pendidikan asas. Untuk ini, sebanyak 1.2 bilion ringgit disediakan bagi tujuan pendidikan prasekolah termasuk kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, PERMATA dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Sebagai tambahan, sebanyak 380 juta ringgit disediakan di bawah Kementerian Pelajaran untuk penempatan guru prasekolah.

63. Berhubung perkhidmatan taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti pula, demi memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan sempurna di samping membangunkan perkembangan minda yang positif, Kerajaan mencadangkan insentif-insentif berikut:

Pertama: Geran pelancaran 10 ribu ringgit kepada penyedia Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) swasta untuk membantu

mereka membuka taska baru yang berkualiti. Dianggarkan 1,000 ECCE swasta baru akan mendapat manfaat;

- Kedua: Potongan cukai 2 kali ke atas elaun atau subsidi yang diberi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak akan diberi kepada majikan;
- Ketiga: Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun diberi kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta; dan
- Keempat: Pengecualian cukai pendapatan untuk tempoh 5 tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun kepada pengusaha pra-sekolah swasta.

64. Pada masa ini, kita dapati ramai kanak-kanak kurang upaya dari keluarga berpendapatan rendah yang tidak mendapat pendidikan awal kerana kekurangan taska OKU. Untuk ini Kerajaan akan melaksanakan projek perintis taska OKU bagi 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome*, autisme, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan OKU masalah pembelajaran.

Latihan dan Kemahiran

65. Berganjak kepada soal modal insan, yang berpengetahuan, kreatif dan inovatif, program latihan akan dibentuk untuk mengasah kemahiran baru selaras dengan keperluan industri masa depan ke arah ekonomi

berpendapatan tinggi dan maju. Bagi tujuan ini, pada tahun 2013, sejumlah 3.7 bilion ringgit akan disediakan untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional.

66. Setiap tahun hampir 180 ribu graduan berkelulusan diploma dan sarjana muda menamatkan pengajian daripada institusi pengajian tinggi. Untuk membantu mereka yang masih menganggur, maka Kerajaan akan melancarkan *Graduate Employability Blueprint* pada penghujung tahun 2012. Rangka kerja ini akan memberi tumpuan untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan. Dalam hal ini, Kerajaan akan menubuhkan *Graduate Employability Taskforce* dengan peruntukan 200 juta ringgit.

67. Kerajaan telah melaksanakan Program Skim Latihan 1Malaysia atau dikenali sebagai SL1M yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-job-training* di syarikat swasta melalui galakan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan oleh pihak syarikat. Galakan ini telah diberi mulai 1 Jun 2012 sehingga tahun 2016.

68. Kerajaan juga memperuntukkan 440 juta ringgit kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi memberi pinjaman kepada pelatih untuk menjalani latihan kemahiran. Langkah ini akan dapat memanfaatkan hampir 40 ribu pelatih di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1 hingga 5. Kerajaan juga memperuntukkan 366 juta ringgit bagi menaik taraf serta pembelian peralatan Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Belia Negara.

69. Pelbagai program latihan kemahiran akan dilaksanakan selaras dengan matlamat mentransformasikan industri utama negara berteras kepada teknologi tinggi, berinovatif serta berpendapatan tinggi. Ke arah ini, tumpuan akan diberi bagi melahirkan tenaga kerja profesional dan berbakat di

dalam industri terpilih termasuk industri minyak dan gas, perkapalan, ICT, kreatif serta bioteknologi. Bagi tahun 2013, dijangka seramai 5,000 pelatih akan menyertainya. Di samping itu, Petronas akan menggunakan kemudahan Institut Kemahiran Belia Negara di Pengerang, Johor untuk melatih seramai 300 orang belia menjelang akhir tahun ini dalam bidang minyak dan gas bagi memenuhi keperluan projek RAPID.

70. Kerajaan sedar tentang pelajar miskin masyarakat India, terutamanya dari estet-estet yang tidak memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan dan tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan. Selaras dengan itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit untuk melatih 3,200 pelajar masyarakat India bagi memperlengkapkan mereka dengan kemahiran, selaras permintaan pasaran. Latihan ini akan dikendalikan oleh Institut Latihan Perindustrian dan kolej-kolej di bawah Skim Latihan Dual Nasional.

71. Bagi memastikan golongan pekerja swasta adalah sentiasa sihat dan produktif dalam menyumbang kepada pembangunan syarikat dan ekonomi negara, aspek kesihatan mesti diberi keutamaan. Untuk ini, PERKESO akan menyediakan peruntukan sebanyak 200 juta ringgit bagi membolehkan ahlinya seramai 1.4 juta orang menjalani pemeriksaan kesihatan secara percuma di hospital Kerajaan atau klinik panel PERKESO. Pemeriksaan kesihatan ini bertujuan untuk mengesan penyakit tidak berjangkit, kepada semua pekerja yang berumur antara 40 hingga 55 tahun.

FOKUS KETIGA: MEMBUDAYA INOVASI, MENINGKAT PRODUKTIVITI

Tuan Yang di-Pertua,

Harta Intelek (IP) Sebagai Cagaran

72. Bagi membolehkan PKS menggunakan harta intelek sebagai nilai komersial dan instrumen untuk mendapatkan pembiayaan memajukan perniagaan, satu model penilaian harta intelek akan diwujudkan bagi membenarkan ia dinilai secara komersial dan seterusnya digunakan sebagai cagaran memperoleh pembiayaan dari institusi kewangan. Bagi maksud ini, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:

Pertama: Mewujudkan skim Dana Pembiayaan Harta Intelek berjumlah 200 juta ringgit. Skim ini akan ditawarkan oleh Malaysia Debt Ventures. Kerajaan akan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2 peratus dan jaminan sebanyak 50 peratus melalui Credit Guarantee Corporation; dan

Kedua: Menyediakan peruntukan sebanyak 19 juta ringgit bagi program latihan penilai harta intelek tempatan kendalian Perbadanan Harta Intelek serta mewujudkan platform pasaran harta intelek.

Penyelidikan dan Pembangunan

Tuan Yang di-Pertua,

73. Aktiviti R&D pula akan terus diberi penekanan. Pelbagai penemuan dan hasil R&D institusi penyelidikan awam berpotensi untuk dikomersialkan. Maka, Kerajaan

memperuntukkan sebanyak 600 juta ringgit kepada 5 buah universiti penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nano teknologi, automatif, bio-teknologi serta aero-angkasa.

74. Untuk merancakkan aktiviti pengkomersialan penemuan R&D institusi penyelidikan awam, Kerajaan mencadangkan galakan cukai sedia ada bagi pengkomersialan penemuan R&D berasaskan aktiviti sumber diperluaskan kepada aktiviti berasaskan bukan sumber yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Galakan cukai tersebut adalah:

Pertama: Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti mengkomersialkan penemuan R&D diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; dan

Kedua: Syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti mengkomersialkan penemuan R&D diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun.

Mempergiat Pelaburan Modal Teroka oleh Pelabur Individu

75. Merujuk usahawan muda tempatan, sememangnya didapati mereka mempunyai idea dan produk inovatif yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa namun berhadapan sumber pembiayaan terhad. Oleh itu, sebagai sumber pembiayaan alternatif, penglibatan secara langsung pelabur pemangkin atau *angel investors* di peringkat awal perniagaan adalah amat penting bagi merealisasikan

pelaburan dan daya saing syarikat teroka. Sehubungan itu, Kerajaan mencadangkan potongan cukai bersamaan jumlah pelaburan oleh pelabur pemangkin dalam syarikat teroka dibenarkan ditolak daripada semua jenis pendapatannya.

Menyemarak Inovasi Inklusif

Tuan Yang di-Pertua,

76. Bagi memastikan pembangunan inklusif, Kerajaan akan terus merancang dan melaksanakan program serta aktiviti berintensifkan pengetahuan, kreativiti dan inovasi. Menuju ke tahun 2020, menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, inovasi akan terus diperkukuh dan diarusperdanakan dalam semua sektor dan segenap lapisan masyarakat. Melalui Bajet 2013, inisiatif ini akan diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Pembangunan Teknologi Hijau

77. Dalam Bajet 2010, Kerajaan telah mewujudkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH) dengan dana berjumlah 1.5 bilion ringgit untuk tempoh 3 tahun, yang akan berakhir pada 31 Disember 2012. Dana ini membolehkan syarikat pengeluar dan syarikat pengguna teknologi hijau membuat pinjaman mudah dengan Kerajaan menanggung subsidi 2 peratus daripada jumlah kadar faedah dan jaminan Kerajaan 60 peratus. Sehingga kini, hampir 800 juta ringgit telah diluluskan kepada 50 syarikat tempatan. Bagi merencanakan lagi pengeluaran dan penggunaan produk berasaskan teknologi hijau, dana Skim ini akan ditambah sebanyak 2 bilion ringgit dan tempoh permohonan SPTH ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi iaitu sehingga 31 Disember 2015.

FOKUS KEEMPAT: KONSOLIDASI FISKAL DAN MEMPERCEKAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Konsolidasi Fiskal

Tuan Yang di-Pertua,

78. Sesungguhnya, Kerajaan komited dalam memastikan defisit fiskal terus berkurangan dan negara berada pada landasan yang betul bagi mencapai bajet berimbang. Dalam hal ini, semua kementerian dan agensi perlu memastikan peruntukan mengurus dan pembangunan dibelanjakan bagi perkara yang benar-benar perlu dan penting dalam menyokong pelaksanaan dasar dan program negara.

79. Kerajaan akan memastikan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi paras 55 peratus kepada KDNK dan defisit fiskal terus berkurangan kepada 3 peratus menjelang 2015. Antara langkah yang akan dan telah diambil termasuk memastikan kutipan hasil ditingkatkan dengan mengukuhkan sistem percukaian dan memastikan semua perolehan dan pembelian Kerajaan adalah berdasarkan prinsip *value for money*.

80. Selain daripada peralihan sistem subsidi pukal kepada subsidi bersasar, kajian semula sistem percukaian kebangsaan akan diteruskan bagi memastikan sistem cukai negara akan lebih menggambarkan kedudukan kewangan setiap isi rumah. Peralihan daripada sistem cukai berasaskan pendapatan kepada sistem cukai yang lebih menyeluruh serta saksama akan pada analisa akhirnya memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

81. Langkah ini tidak dilaksanakan secara tergesa-gesa mahupun semberono tetapi setelah kajian teliti dan pelaksanaan penuh tertib. Ia tidak akan mengesankan rakyat terbanyak khususnya golongan berpendapatan rendah serta sederhana kerana perkara-perkara asas sama ada makanan, perumahan mahupun pengangkutan awam akan terus dilindungi.

82. Pelaksanaan struktur baru cukai ini sudah menjadi sebagai satu imperatif nasional bagi memastikan kelestarian sistem kewangan negara terus utuh untuk generasi masa depan Malaysia. Kerajaan tidak akan mengelak dari mengambil tindakan yang betul walaupun ianya penuh liku.

83. Walau bagaimanapun, ruang masa yang mencukupi akan tetap disediakan oleh Kerajaan agar semua pihak dapat membuat persiapan yang sewajarnya. Penerimaan rakyat ke atas inisiatif baru ini akan diperolehi dengan program penerangan, pendidikan serta rundingan secara ekstensif.

Tuan Yang di-Pertua,

84. Dalam memberi perkhidmatan terbaik, penjawat awam mesti menerapkan budaya produktiviti, kreativiti dan inovasi. Amalan kerja pula mestilah cepat, tepat dan berintegriti. Langkah ini akan mencetuskan paradigma baru dan seterusnya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi perkhidmatan awam lebih efisien dan efektif serta lebih responsif.

85. Kerajaan tidak lupa akan jasa pesara yang pernah mencurahkan khidmat bakti dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan menyelaraskan semula pencen pesara Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun dengan menaikkan pencen minimum daripada 720 ringgit kepada 820 ringgit.

Pelarasan pencen ini akan mengambil kira bayaran pencen bermula 1 Januari 2012. Langkah ini melibatkan seramai 50,371 pesara, termasuk penerima pencen terbitan, dengan peruntukan tambahan sebanyak 60 juta ringgit setahun.

86. Sebagai pengiktirafan kepada golongan warga emas, Kerajaan mencadangkan caj bayaran pemprosesan pasport antarabangsa dikurangkan sebanyak 50 peratus iaitu daripada 300 ringgit kepada 150 ringgit untuk tempoh sah laku 5 tahun. Manakala, bagi caj bayaran pengurusan pasport untuk tempoh dua tahun dikurangkan kepada 80 ringgit. Pengurangan caj bayaran pasport ini juga diperluaskan kepada kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah. Kadar bayaran baru ini akan berkuat kuasa pada Januari 2013.

Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

87. Bagi memastikan Angkatan Tentera Malaysia mempunyai modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, serta merealisasikan visi dan hala tuju strategik ATM sesuai dengan keperluan semasa, Kerajaan bersetuju untuk menambah baik skim perkhidmatan ATM. Sehubungan itu, syarat lantikan bagi skim perkhidmatan ATM telah ditambah baik dengan kelayakan masuk bagi pegawai ditingkatkan kepada Ijazah Sarjana Muda Kepujian dan bagi askar laskar kelayakan masuk minimum ditingkatkan ke peringkat SPM dan Diploma berdasarkan skop tugas.

88. Mengambil kira keunikan perkhidmatan ATM, Kerajaan bersetuju untuk meningkatkan peluang kenaikan pangkat anggota ATM melalui kaedah kenaikan secara *time-based* anggota berpangkat prebet ke Lans Koperal dan

Lans Koperal ke Koperal dalam tempoh 8 tahun dengan memenuhi syarat-syarat serta prestasi yang memuaskan. Ini adalah bagi meningkatkan peluang kemajuan kerjaya serta motivasi anggota ATM. Usaha ini akan memberi faedah kepada seramai 78,123 anggota dan melibatkan peruntukan sebanyak 107 juta ringgit.

89. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju memberikan bayaran insentif khas dengan kadar 200 ringgit sebulan kepada semua pegawai dan anggota ATM seramai 125,708 orang berkuat kuasa 1 Januari 2013. Langkah ini akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak 301 juta ringgit.

90. Kerajaan menghargai peranan pasukan simpanan angkatan tentera sebagai pelengkap dan sokongan kepada angkatan tetap ATM. Bagi menghargai sumbangan mereka, Kerajaan bersetuju untuk menyelaraskan elaun khidmat bertugas daripada RM4 sejam bagi anggota biasa kepada RM6 sejam dan bagi pegawai, RM5.80 sejam kepada RM7.80 sejam melibatkan 65 ribu anggota simpanan angkatan tentera merangkumi Askar Wataniah serta Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut dan Udara di seluruh negara. Kadar baru ini telah pun dikuatkuasakan untuk RELA, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Pasukan Sukarelawan Polis (PVR) sebelum ini.

91. Kerajaan juga tidak lupa jasa bakti pahlawan negara. Untuk membantu bekas tentera yang bersara awal kerana berkhidmat kurang daripada 21 tahun serta tidak berpencen, Kerajaan bersetuju untuk memberi sumbangan sebanyak 1 ribu ringgit secara *one-off* kepada mereka. Peruntukan sebanyak 224 juta ringgit yang melibatkan 224 ribu bekas tentera ini, tetapi tidak melibatkan mereka yang ditamatkan di atas kes tindakan tatatertib atau jenayah, akan dikongsi bersama oleh Kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

92. Kerajaan juga akan memperkenalkan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok kepada anggota tentera dan polis yang sedang berkhidmat dengan peruntukan 12 juta ringgit. Skim ini akan memberi had perlindungan maksimum sehingga 15 ribu ringgit kepada hampir 242 ribu anggota tentera dan polis.

Tuan Yang di-Pertua,

93. Pada masa ini, Kerajaan meminjam sebanyak 6 bilion ringgit setahun untuk membiayai keperluan pinjaman perumahan penjawat awam yang diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP), Kementerian Kewangan. Sebagai sebahagian daripada usaha konsolidasi fiskal dan mengurangkan beban tanggungan kewangan Kerajaan, BPP akan disusun semula di mana Kerajaan akan melantik panel bank komersial untuk menguruskan pinjaman perumahan Kerajaan yang baru berkuat kuasa Januari 2013. Segala manfaat dan bantuan sedia ada yang dinikmati oleh penjawat awam akan tetap dikekalkan malah ditambah baik. Penjawat awam masih tetap membayar 4 peratus kadar faedah ke atas pinjaman perumahan.

94. Selain itu, pada masa ini, wang proses yang dikenakan bagi setiap permohonan pinjaman perumahan penjawat awam adalah sebanyak 1 ringgit bagi setiap 1,000 ringgit pinjaman yang dipohon bagi pinjaman kali pertama dan 2 ringgit bagi pinjaman kali kedua. Bagi mengurangkan beban kewangan dan memudahkan proses kelulusan pinjaman, Kerajaan bersetuju untuk menetapkan wang proses ini pada kadar 100 ringgit bagi setiap permohonan tanpa mengambil kira jumlah pinjaman yang dipohon.

95. Kerajaan turut memberi perhatian untuk meringankan beban kos sara hidup bagi pelatih-pelatih yang mengikuti kursus pra perkhidmatan di peringkat ijazah, diploma dan

sijil. Dengan ini, Kerajaan bersetuju menaikkan kadar elaun pra perkhidmatan yang melibatkan 31,135 pelatih. Skim perkhidmatan yang terlibat adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Juru X-Ray, Jururawat, Jururawat Pergigian, Jurupulih Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruteknologi Pergigian, Jururawat Masyarakat, Pembantu Kesihatan Awam dan Pembantu Pembedahan Pergigian. Untuk ini, sebanyak 84.2 juta ringgit akan disediakan.

FOKUS KELIMA: MENSEJAHTERAKAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

96. Kerajaan juga akan menyediakan 6 bilion ringgit pada tahun 2013 di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta yakni PFI 2 untuk melaksanakan pelbagai projek dan program untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara. Antara projek yang telah dikenal pasti termasuk membaik pulih dan menyelenggara sekolah serta klinik kesihatan, projek perumahan, projek tangki air, rancangan tebatan banjir dan penyediaan kemudahan sukan.

Mewujud Kejiranan yang Selamat dan Harmoni

Tuan Yang di-Pertua,

97. Kerajaan telah memperkenalkan langkah mengurangkan kadar jenayah sebagai salah satu inisiatif di bawah NKRA. Usaha mengurangkan kadar jenayah akan terus dipertingkatkan. Untuk tujuan ini, peruntukan sejumlah 591 juta ringgit akan disediakan bagi tahun 2013 untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:

- Pertama: Menambah bilangan perjawatan baru Polis DiRaja Malaysia pada 2013 untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah serta menaik taraf infrastruktur dan menyediakan peralatan moden;
- Kedua: Menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal memantau kawasan perumahan. Untuk ini, Kerajaan akan menyediakan 1,000 buah motosikal dengan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit;
- Ketiga: Menambah bilangan ahli Pasukan Sukarelawan Polis seramai 10,000 orang dengan peruntukan 70 juta ringgit bagi membantu polis membanteras jenayah; dan
- Keempat : Menambah pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup atau CCTV sebanyak 496 unit di 25 buah Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

98. Kerajaan sedar akan tugas dan tanggungjawab berat pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia. Kepada warga PDRM saya mendengar rintihan saudara dan saudara sekalian tentang beberapa anomali yang wujud terutamanya dalam perjawatan untuk para pegawai. Kerajaan mendengar dan mengambil maklum kita tidak sekali-kali mengambil mudah tentang soal ini. Kerajaan telahpun mengarahkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam agar kajian komprehensif dilakukan untuk menambahbaik laluan kerjaya warga PDRM. Kajian dan segala cadangan yang dibuat hendaklah merundingi semua “*stakeholder*” dan hendaklah diselesaikan dalam masa secepat mungkin.

99. Kerajaan komited memastikan setiap rakyat yang dituduh di mahkamah mempunyai pembelaan sesuai dengan hak mereka yang dijamin oleh Perlembagaan dan telah memberi geran pelancaran sebanyak 14 juta ringgit kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan. Kerajaan dengan ini menambah 20 juta ringgit lagi peruntukan untuk tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

100. Penglibatan swasta dan komuniti setempat secara menyeluruh bersama Kerajaan adalah penting bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang selamat. Sehubungan itu, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

Pertama : Menyokong peranan persatuan penduduk bagi tujuan menggalakkan aktiviti rondaan di kawasan kejiranan. Untuk ini, Kerajaan bercadang memberi geran berjumlah 10,000 ringgit kepada 4,025 persatuan penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, dengan kos sebanyak 40 juta ringgit;

Kedua : Mempertingkatkan peranan rukun tetangga dalam membantu menjaga keselamatan kawasan perumahan. Untuk ini, Kerajaan mensasarkan 6,500 penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menjelang tahun 2013. Kerajaan akan memperuntukkan 39 juta ringgit bagi membiayai aktiviti KRT;

Ketiga : Menyediakan sepasang pakaian seragam untuk 300,000 anggota RELA yang aktif dengan peruntukan sebanyak 90 juta ringgit; dan

Keempat : Tolakan sepenuhnya perbelanjaan pemasangan alat kawalan keselamatan bagi syarikat-syarikat dalam tahun yang sama ia dibelanjakan, berbanding dengan tolakan semasa iaitu 8 tahun, di bawah galakan Elaun Modal Dipercepatkan. Kerajaan juga bersetuju galakan yang menarik ini turut diberi kepada syarikat pemaju perumahan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

101. Pastinya, Kerajaan terus komited untuk membasmi gejala rasuah. Bagi tahun 2013, sebanyak 276 juta ringgit akan diperuntukkan kepada SPRM bagi membanteras rasuah. Untuk ini, Kerajaan bersetuju menambah sebanyak 150 perjawatan tambahan setiap tahun sehingga mencapai 5,000 anggota. Langkah ini diharap akan dapat menyokong usaha Kerajaan memperbaiki kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah.

Memacu Transformasi Komuniti

Tuan Yang di-Pertua,

102. Kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Luar Bandar atau RTP bagi mengukuhkan pembangunan kawasan luar bandar. Untuk komuniti di bandar pula, sukacita saya mengumumkan Program Transformasi Bandar atau UTP. Sejumlah 200 juta ringgit akan disediakan bagi maksud ini. Bagi memastikan penyelarasan strategik di antara RTP dan UTP, *National Strategic Coordination Unit* akan diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan.

Pusat Transformasi Bandar

103. *Urban Transformation Centre* (UTC) atau Pusat Transformasi Bandar adalah inisiatif Kerajaan dalam pembangunan komuniti bandar bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan Kerajaan dan swasta yang efisien, cepat dan mudah diakses. UTC dilaksanakan dengan mengubahsuai bangunan Kerajaan sedia ada yang kosong atau mengoptimumkan penggunaan bangunan dengan kos yang minimum. Sebagai contoh, di UTC, rakyat boleh membuat pasport antarabangsa dalam tempoh satu jam sahaja, membayar zakat, bil utiliti, cukai pintu, membeli kain dan buku serta menjalankan aktiviti riadah seperti futsal dan gim. Keunikan UTC ini, ia beroperasi bermula dari 8.30 pagi hingga 10 malam, 7 hari seminggu.

104. Di bawah UTP, Kerajaan telah melancarkan 2 UTC iaitu di Melaka dan Kuala Lumpur. Terkini, UTC KL telah menerima purata seramai 4,000 orang sehari. Pelaksanaan UTC akan diperhebatkan dan dilaksanakan secara berperingkat di 6 bandar utama, iaitu Alor Setar, Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

Pusat Transformasi Luar Bandar

105. Di luar bandar, Kerajaan telah membuka pula Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC di Gopeng, Perak dan Wakaf Che Yeh, Kelantan bagi menyediakan sebuah pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga. Berdasarkan manfaat yang diterima, Kerajaan akan terus memperluaskan RTC ke Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Selain itu, Kerajaan juga akan menaik taraf Medan Info Desa seluruh negara sebagai Mini-RTC.

Pembangunan Luar Bandar dan Masyarakat Orang Asli

106. Kawasan luar bandar akan terus dibangunkan bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar. 4.5 bilion ringgit akan disediakan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan pada tahun 2013 termasuk:

- Pertama : Sebanyak 1.2 bilion ringgit disediakan untuk melaksanakan 441 kilometer projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa yang memanfaatkan 220 ribu penduduk;
- Kedua : Sebanyak 1.6 bilion ringgit diperuntukkan untuk projek infrastruktur utiliti luar bandar bagi projek bekalan air kepada 24 ribu buah rumah dan projek penyambungan bekalan elektrik kepada 19 ribu buah rumah;
- Ketiga : Sebanyak 137 juta ringgit diperuntukkan bagi membiayai Program Desa Lestari melibatkan 29 buah kampung di seluruh negara dan memanfaatkan 38 ribu penduduk. Program utama termasuk menaik taraf kilang pemprosesan hasil laut dan makanan, pembinaan jeti baru, pembinaan pusat pemasaran, menambah baik pakej dan aktiviti *homestay* serta rekreasi;
- Keempat : Sebanyak 88 juta ringgit diperuntukkan bagi melaksanakan program pembangunan ekonomi dan projek bekalan air bagi masyarakat Orang Asli; dan
- Kelima : Sebanyak 100 juta ringgit bagi membekal 40 ribu tangki air menggunakan kaedah tadahan air hujan khususnya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Kesihatan Asas Kesejahteraan

Tuan Yang di-Pertua,

107. Kerajaan akan terus memastikan rakyat dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang memuaskan. Bagi tahun 2013, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 19.3 bilion ringgit untuk perkhidmatan mengurus dan pembangunan.

108. Pembukaan Klinik 1Malaysia telah mendapat sambutan baik dan memberi manfaat dalam meringankan kos rawatan selain memudahkan akses bagi mendapatkan rawatan. Justeru, Kerajaan akan memperuntukkan 20 juta ringgit bagi membuka tambahan 70 klinik pada tahun 2013. Klinik 1Malaysia juga akan mula menyediakan perkhidmatan ujian kolesterol dan glukosa serta ujian urin kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, sebanyak 100 juta ringgit akan diperuntukkan untuk membaik pulih 350 klinik di seluruh negara, di samping menambah 150 buah mesin dialisis di pusat hemodialisis Kerajaan seluruh negara.

109. Di samping itu, untuk meringankan beban pekerja-pekerja yang menghidap penyakit terminal (*terminal illness*), Kerajaan telah bersetuju supaya pekerja-pekerja yang mencarum boleh mengeluarkan simpanan mereka sepenuhnya dengan KWSP tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditentukan.

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tuan Yang di-Pertua,

110. Memang benar, wanita bukan sahaja penting dalam pembentukan keluarga bahagia malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Untuk itu, Kerajaan

memperuntukkan 50 juta ringgit bagi menyokong dwi peranan wanita ini dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- Pertama : Seramai 500 wanita akan dilatih di bawah Program Pengarah Wanita untuk diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat;
- Kedua : Program Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal (I-KIT) akan dipertingkatkan untuk memberi khidmat nasihat dan latihan kepada ibu tunggal dalam bidang keusahawanan;
- Ketiga : Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) bagi membantu 50 ribu usahawan kecil, terutamanya wanita melonjakkan perniagaan dengan meningkatkan jualan secara atas talian dengan geran seribu ringgit melalui peruntukan 50 juta ringgit oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM); dan
- Keempat : Peruntukan sebanyak 25 juta ringgit untuk kemudahan pemeriksaan percuma ujian *Mamogram*. Langkah ini dijangka dapat memanfaatkan seramai 100 ribu wanita berumur 40 tahun dan ke atas.

111. Sesungguhnya Kerajaan amat menitikberatkan golongan yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah dalam memastikan mereka ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Justeru, program Kebajikan Rakyat 1Malaysia atau KAR1SMA di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan diperuntukkan sebanyak 1.2 bilion ringgit meliputi program bantuan warga emas, bantuan kanak-kanak, elaun pekerja orang kurang upaya serta bantuan penyakit kronik.

112. Kerajaan telah melancarkan program 1AZAM atau Akhiri Zaman Miskin yang bertujuan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah. Antara program di bawah inisiatif ini adalah Azam Kerja, Azam Tani, Azam Niaga dan Azam Khidmat. Untuk ini, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 400 juta ringgit yang dijangka dapat memanfaatkan seramai 58,330 peserta.

113. Selain itu, Kerajaan telah menyediakan 2 pusat Anjung Singgah bertujuan untuk menempatkan warga emas, kanak-kanak jalanan dan mereka yang memerlukan tempat tinggal sementara sebelum mereka mendapat pekerjaan atau kemudahan tempat tinggal yang tetap. Seterusnya, Kerajaan menambah lagi 6 pusat Anjung Singgah. Kerajaan juga akan mewujudkan 5 Anjung Kasih di Hospital Sibu, Miri, Temerloh, Seremban dan Ipoh bagi menyediakan tempat penginapan sementara dan selesa kepada pesakit miskin atau ahli keluarga yang mengiringi pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital Kerajaan.

Belia dan Sukan

Tuan Yang di-Pertua,

114. Sukan adalah pemangkin perpaduan nasional yang terbaik kerana melibatkan semua golongan masyarakat. Nama-nama seperti Lee Chong Wei, Nicol Anne David, Pandelega Rinong, Azizulhasni Awang dan Muhamad Ziyad adalah antara wira dan wirawati sukan yang dikagumi. Kejayaan dan pencapaian mereka di peringkat antarabangsa cukup membanggakan. Kerajaan sentiasa memberi penekanan dalam memastikan pembangunan sukan dilaksanakan secara berterusan. Untuk itu, bagi tahun 2013 sebanyak 738 juta ringgit diperuntukkan bagi pembangunan belia dan sukan.

115. Kerajaan akan memperuntukkan 15 juta ringgit bagi mempersiapkan para atlet ke kejohanan sukan antarabangsa termasuk Sukan SEA 2013, Sukan Para ASEAN 2013, Sukan Komanwel serta Sukan Asia tahun 2014. Sebagai tambahan juga, 50 juta ringgit lagi diperuntukkan untuk tempoh 4 tahun khusus bagi persiapan Sukan Olimpik Rio 2016 di bawah program *Road to Rio*.

116. Bagi menggalakkan perkembangan sukan lumba basikal dan badminton, Kerajaan akan membina sebuah velodrom tertutup di Seremban dan Akademi Badminton di Bukit Kiara dengan peruntukan sebanyak 80 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

117. Dalam usaha melahirkan generasi belia yang berpersonaliti tinggi, berintegriti, kreatif dan berinovasi serta berdaya saing, Kerajaan melancarkan program *Y-Creative* yang melibatkan persatuan belia di seluruh negara. Kerajaan juga akan menganjurkan Festival Belia Putrajaya yang merupakan perhimpunan belia terbesar negara bersempena dengan perisytiharan tahun 2013 sebagai tahun kesukarelaan nasional.

118. Bagi membantu usahawan muda dalam bidang ICT, sebuah yayasan dengan nama *New Entrepreneur Foundation* akan ditubuhkan dengan peruntukan permulaan sebanyak 50 juta ringgit. NEF akan menjadi platform bagi program latihan dan bimbingan.

119. Selain itu, *Young Entrepreneur Fund* juga diwujudkan dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit akan disediakan oleh SME Bank. Dana pinjaman mudah ini adalah untuk belia berumur 30 tahun ke bawah dengan subsidi kadar faedah pinjaman sebanyak 2 peratus dan had maksimum pinjaman sebanyak 100 ribu ringgit serta tempoh bayaran balik selama 7 tahun.

120. Kerajaan mengiktiraf peranan belia dalam mengaspirasikan pembangunan negara. Untuk itu, Kerajaan akan melancarkan Pertandingan Lautan Biru *1Malaysia For Youth* atau 1M4U untuk mereka mempersembahkan idea-idea kreatif dan inovatif menerusi pertandingan di peringkat tempatan, negeri dan kebangsaan. Tiga idea terbaik akan diberikan peruntukan daripada Dana Sukarelawan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

121. Sebahagian besar daripada 22 peratus rakyat Malaysia yang menggunakan telefon pintar untuk melayari internet adalah golongan belia. Oleh itu, bagi membuka akses golongan muda kepada lebuhraya maklumat, satu pakej khas akan diperkenalkan oleh Kerajaan melalui kerjasama antara SKMM serta syarikat telekomunikasi. Melalui Pakej Komunikasi Belia, rebat 200 ringgit akan diberi secara *one-off* bagi pembelian satu unit telefon mudah alih pintar 3G melalui pengedar-pengedar rasmi. Ia terbuka kepada belia yang berumur 21 hingga 30 tahun berpendapatan bulanan 3,000 ringgit dan ke bawah. Sebanyak 300 juta ringgit telah disediakan dan akan memanfaatkan 1.5 juta belia.

Mengiktiraf Karyawan dan Seniman

Tuan Yang di-Pertua,

122. Menjengah peranan karyawan, budayawan dan seniman dalam proses pembangunan negara, kita maklum bahawa kemajuan Malaysia tidak diukur semata-mata pada pendapatan perkapita dan pertumbuhan ekonomi. Ia turut diukur menggunakan pelbagai dimensi. Para karyawan memainkan peranan penting dalam meningkatkan peradaban nasional. Sebagai menghargai peranan mereka ini, Kerajaan

bersetuju memperuntukkan sejumlah 6 juta ringgit sebagai bantuan pentadbiran dan kegiatan kepada semua persatuan yang berdaftar.

Memperluas Jaringan Pengangkutan Awam Bandar

Tuan Yang di-Pertua,

123. Bercakap pula ehwal perkhidmatan pengangkutan awam yang baik, ia adalah nadi kepada pembangunan sesebuah komuniti. Lanjutan daripada kejayaan pengenalan RapidKL dan RapidPenang, Kerajaan akan melancarkan RapidKuantan mulai 1 Disember 2012 bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas berkualiti di Kuantan yang dapat memanfaatkan rakyat teramai. Syarikat Prasarana juga dalam proses untuk memperluaskan perkhidmatan ini di bandar lain seperti Ipoh, Seremban, Kuching dan Kota Kinabalu.

124. Kerajaan memandang serius kepentingan pengangkutan bagi orang ramai terutamanya mereka yang tinggal dan bekerja di bandar besar. Pada masa ini, golongan OKU, pesara dan pelajar telah menikmati diskaun 50 peratus kadar tambang apabila menggunakan perkhidmatan komuter KTMB. Sebagai lanjutan, suka saya mengumumkan, bahawa Kerajaan bersetuju untuk memperluaskan diskaun 50 peratus kadar tambang ini, kepada semua warganegara Malaysia yang berpendapatan 3,000 ringgit dan ke bawah.

Perumahan untuk Rakyat

Tuan Yang di-Pertua,

125. Kerajaan sedar, perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat. Kerajaan

komited untuk memastikan setiap rakyat Malaysia berpeluang untuk memiliki rumah mereka sendiri. Ini bukan sahaja satu imperatif yang bersifat ekonomi, malahan ia adalah imperatif moral bagi sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Oleh itu, Kerajaan akan menjadikan hasrat ini sebagai prioriti berterusan. Bagi tahun 2013 sahaja, suka saya umumkan, Kerajaan akan memperuntukkan 1.9 bilion ringgit bagi membina 123 ribu unit rumah dengan harga berpatutan di kawasan-kawasan strategik. Inisiatif ini akan dilaksanakan oleh PR1MA, Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara.

126. Sebanyak 500 juta ringgit akan dibelanjakan oleh PR1MA untuk membina 50 ribu unit rumah di bandar-bandar utama di seluruh negara dengan harga jualan antara 100 hingga 400 ribu ringgit seunit. Antara bandar-bandar utama tersebut adalah Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bharu, Seremban dan Kuantan.

127. Di samping itu, PR1MA juga akan menyediakan Dana Pemudah Cara Perumahan berjumlah 500 juta ringgit untuk membina 30 ribu unit rumah secara usaha sama dengan pemaju perumahan swasta. Harga rumah yang ditawarkan di bawah program ini adalah 20 peratus lebih rendah berbanding dengan harga di pasaran dan proses pengagihan rumah akan dilaksanakan secara sistem pengundian terbuka.

128. Manakala sebanyak 320 juta ringgit diperuntukkan melalui SPNB untuk membina sebanyak 22,855 unit kediaman termasuk apartmen kos rendah dan sederhana, rumah mesra rakyat serta rumah mampu milik. Projek perumahan SPNB yang akan dilaksanakan segera termasuk membina sebanyak 1,855 unit apartmen kos sederhana dengan keluasan 850 kaki persegi di Shah Alam dan Sungai Buloh. Unit kediaman ini akan dijual pada harga sekitar 120 ribu hingga 220 ribu ringgit seunit.

129. Bagi program Rumah Mesra Rakyat pula, SPNB akan membina sebanyak 21,000 unit rumah untuk tahun 2013. Di bawah program ini, SPNB akan membina rumah berharga 65 ribu ringgit dengan subsidi sebanyak 20 ribu ringgit serta subsidi kadar faedah ke atas pinjaman sebanyak 2 peratus.

130. Selain itu, peruntukan sejumlah 543 juta ringgit akan disediakan kepada Jabatan Perumahan Negara melaksanakan 45 projek di bawah Program Perumahan Rakyat melibatkan 20,454 unit rumah yang akan dibina menggunakan kaedah *Industrialised Building System*. Kesemua unit kediaman ini akan dijual antara 30 hingga 40 ribu ringgit seunit berbanding harga pasaran sekitar 120 ribu ringgit seunit. 20 peratus daripada keseluruhan unit rumah PPR diperuntukkan kepada penjawat awam dan sebahagian kepada golongan OKU.

131. Bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah yang pertama, Skim Rumah Pertamaku yang telah dilancarkan melalui bajet yang lalu, akan ditambah baik dengan meningkatkan had pendapatan peminjam perseorangan daripada 3,000 ringgit kepada 5,000 ringgit sebulan atau 10,000 ringgit sebulan bagi pinjaman bersama suami isteri. Di samping itu, syarat keperluan simpanan 3 bulan deposit serta tempoh minimum bekerja 6 bulan juga akan dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua,

132. Dalam Bajet 2009, Kerajaan telah pun memberi pengecualian duti setem 50 peratus ke atas surat cara perjanjian pindah milik dan pinjaman sebuah rumah kediaman pertama yang berharga sehingga 350 ribu ringgit. Kerajaan bercadang melanjutkan pengecualian duti setem sedia ada sehingga 31 Disember 2014 dengan had kelayakan harga rumah dinaikkan sehingga 400 ribu ringgit.

Kajian Semula Cukai Keuntungan Hartanah

133. Menyangkut hal penawaran hartanah yang terhad terutamanya di kawasan bandar, ia membuka ruang kepada aktiviti spekulasi. Dengan itu, Kerajaan mencadangkan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) ke atas keuntungan pelupusan hartanah yang dibuat dalam tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh perolehan hartanah berkenaan, dikenakan pada kadar 15 peratus dan 10 peratus bagi pelupusan hartanah dalam tempoh 2 hingga 5 tahun. Bagi hartanah yang dilupuskan selepas tempoh 5 tahun daripada tarikh perolehannya, CKHT tidak dikenakan. Sementelahan itu, keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup dan pelupusan hartanah atas dasar kasih sayang antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu dikecualikan daripada CKHT.

Galakan Cukai untuk Memulih Projek Perumahan Terbengkalai

134. Selanjutnya, bagi tahun 2013, Kerajaan memperuntukkan 100 juta ringgit kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dijangka dapat memulihkan 30 projek rumah terbengkalai. Sebagai tambahan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta, Kerajaan akan menyediakan insentif cukai seperti berikut:

Pertama: Institusi perbankan diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima daripada kontraktor penyelamat;

Kedua : Kontraktor penyelamat diberi potongan cukai 2 kali ke atas bayaran faedah dan semua kos langsung dalam mendapatkan pinjaman;

- Ketiga : Kontraktor penyelamat diberi pengecualian duti setem ke atas semua jenis surat cara yang disempurnakan bagi tujuan pindah milik tanah atau rumah dan surat cara pinjaman bagi membiayai kos pemulihan; dan
- Keempat : Pembeli asal rumah terbengkalai diberi pengecualian duti setem ke atas semua jenis surat cara yang disempurnakan bagi tujuan mendapat pembiayaan tambahan dan pindah milik rumah.

Bantuan dan Insentif Rakyat

Tuan Yang di-Pertua,

135. Sesungguhnya, Kerajaan ini adalah Kerajaan rakyat, dari rakyat untuk rakyat. Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat adalah objektif tertinggi. Kerajaan ini tidak akan sekali-kali melakukan sebarang tindakan yang akan membahayakan masa depan orang ramai. Bukan seperti sesetengah pihak, yang sanggup mengatakan apa sahaja, ini percuma, itupun percuma, hutang tak perlu bayar, hatta menjanjikan syurga semata-mata untuk berkuasa. Namun Kerajaan ini tidak akan menyembunyikan kebenaran, sekalipun ia pahit. Kerajaan ini tidak akan mengaburi mata rakyat.

136. Menyedari hakikat inilah, Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif rasionalisasi subsidi dan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi daripada subsidi pukal yang membawa kepada banyak ketirisan dan sehingga orang yang berada pun memperoleh, kepada subsidi yang bersasar. Di bawah prinsip ini, subsidi akan diteruskan tetapi akan diberi hanya kepada kelompok yang betul-betul memerlukannya. Hakikatnya, jika Kerajaan terus memberi

subsidi secara pukal, ia akan menghancurkan kedudukan kewangan negara sehingga akhirnya rakyat menanggung akibat, seperti mana yang berlaku di sesetengah negara di dunia. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak rela perkara tersebut berlaku.

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

137. Bersesuaian dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar, Kerajaan komited bagi memastikan setiap segmen rakyat Malaysia dapat berkongsi kemakmuran negara. Ini hanya akan berlaku, sekiranya ekonomi nasional terus tumbuh secara mapan dan kekayaan negara dapat terus dijana. Sukacita saya mengumumkan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0. Kriteria penerima tetap sama iaitu ketua isi rumah yang berpendapatan 3,000 ringgit dan ke bawah. Sebagai tambahan, sukacita juga saya mengumumkan pemberian BR1M 2.0 ini diperluaskan kepada individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan tidak melebihi 2 ribu ringgit sebulan. Pemberian bantuan kepada individu bujang ini adalah sebanyak 250 ringgit.

138. Hakikatnya, bantuan kepada isi rumah dan individu bujang ini bukanlah satu langkah populis malah manifestasi sebuah Kerajaan bertanggungjawab dan mampu mengurus kewangan negara dengan berhemah. Ia memanfaatkan 4.3 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang melibatkan peruntukan 3 bilion ringgit. Ia akan dibayar mulai awal tahun 2013. Bagi memudahkan pelaksanaan, penerima BR1M sedia ada tidak lagi perlu mendaftar untuk kali kedua manakala pemohon baru boleh mula mendaftar mulai November 2012 secara atas talian atau melalui kaunter di Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Daerah dan pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

139. Gula yang diambil secara berpatutan adalah baik, namun sekiranya diambil secara berlebihan ia mampu menjadi racun. Setakat ini, sekitar 2.6 juta rakyat Malaysia mengidap diabetes. Oleh itu, Kerajaan bercadang mengurangkan subsidi gula sebanyak 20 sen sekilogram mulai 29 September 2012. Kerajaan menyeru kepada para peniaga bahawa janganlah membebankan saudara se-Malaysia dengan kenaikan harga. Sebaliknya kurangkanlah kandungan gula.

140. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak 34 sen satu kg yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 278 juta ringgit. Malah pengurangan subsidi ini disokong oleh persatuan-persatuan pengguna dan pengamal kesihatan.

141. Selanjutnya, untuk menampung perbezaan harga dan kuota penggunaan minyak masak yang semakin meningkat, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak 1.5 bilion ringgit bagi menstabilkan harga minyak masak di pasaran.

Penyeragaman Harga

Tuan Yang di-Pertua,

142. Secara umumnya, harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak adalah lebih mahal berbanding di Semenanjung Malaysia disebabkan kos penghantaran dan pengagihan yang lebih tinggi. Bagi memastikan kos dan harga barangan dapat dikurangkan, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk Program Penyeragaman Harga, pemberian subsidi pengangkutan serta pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia. Untuk ini,

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 386 juta ringgit bagi memastikan harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak serta Labuan dijual pada harga yang lebih rendah dan lebih seragam dengan membuka sebanyak 57 buah KR1M dan menanggung kos penghantaran produk dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak serta Labuan termasuk penghantaran ke kawasan pedalaman. Sebagai contoh di Ba'kalalan, Sarawak, harga gas memasak 14 kg setong dijual pada harga RM70. Dengan program penyeragaman harga, gas memasak tersebut boleh dibeli hanya dengan RM26.60 setong.

143. Sebagai tambahan, bagi meringankan beban rakyat yang berulang alik menggunakan perkhidmatan feri dari Labuan ke Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan memberi diskaun tambang kepada semua penumpang sebanyak 50 peratus. Di samping itu, diskaun sebanyak 50 peratus turut diberi ke atas tambang feri untuk kenderaan komersial yang mengangkut barang keperluan asas dan binaan ke Labuan.

Mempermudah Ibadah Haji

144. Sekali lagi kita memasuki musim panggilan Haji menuju Baitullah. Dalam Bajet 2012, saya telah mengumumkan pencarum KWSP boleh membuat pendaftaran awal menunaikan rukun ke 5 ini melalui penghadangan Akaun 2 sebanyak 1,300 ringgit. Alhamdulillah, setakat ini, seramai 51,528 pencarum telah menggunakan inisiatif ini. Sebagai langkah tambahan untuk membantu bakal-bakal haji, saya ingin mengumumkan bahawa bakal-bakal haji yang mencarum di KWSP, kini dibenarkan mengeluarkan simpanan dari Akaun 2 mereka bagi menampung kekurangan kos tambang. Inisiatif ini terhad kepada jemaah muassasah dengan maksimum pengeluaran sehingga 3 ribu ringgit.

Kajian Semula Cukai Pendapatan Individu dan Koperasi

145. Kerajaan prihatin ke atas peningkatan kos sara hidup rakyat serta tanggungan cukai pendapatan mereka. Kerajaan telah pun menyediakan sebanyak 20 jenis pelepasan cukai individu dan 2 rebat cukai. Berikutan pelepasan dan rebat cukai ini, hanya 1.7 juta orang sahaja yang perlu membayar cukai berbanding keseluruhan guna tenaga iaitu seramai 12 juta orang.

146. Dalam proses peralihan daripada sistem cukai sedia ada yang berasaskan pendapatan kepada sistem cukai yang lebih adil dan saksama, Kerajaan mencadangkan kadar cukai pendapatan individu diturunkan 1 mata peratusan bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai tahunan melebihi 2,500 ringgit sehingga 50 ribu ringgit. Langkah ini akan mengeluarkan seramai 170 ribu pembayar cukai daripada membayar cukai serta pembayar cukai pendapatan sedia ada juga menikmati penjimatan bayaran cukai mereka. Sebagai contoh, golongan profesional muda yang belum berkahwin dengan pendapatan bulanan 5 ribu ringgit, akan menikmati penjimatan cukai pendapatan sehingga 425 ringgit seorang.

147. Pada masa yang sama, bagi terus memacu transformasi gerakan koperasi, Kerajaan mencadangkan kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan antara 1 hingga 7 mata peratusan di semua kumpulan pendapatan bercukai. Dengan ini, seramai 7 juta ahli koperasi akan menikmati manfaat sebagai galakan untuk meningkatkan keupayaan keusahawanan dalam bidang perniagaan.

Meringankan Beban Pengusaha Bas Sekolah

Tuan Yang di-Pertua,

148. Kerajaan mengambil berat akan keselamatan anak-anak yang menaiki bas ke sekolah dan pemandu-pemandu bas berikutan kualiti segelintir bas sekolah yang kurang memuaskan. Keadaan ini disebabkan pengusaha bas sekolah tidak dapat menampung beban kos penyelenggaraan yang semakin meningkat sedangkan sebahagian besar bas yang dimiliki telah melebihi jangka hayat ekonomi. Untuk itu, Kerajaan mencadangkan pengusaha bas sekolah diberi pertamanya, pemberian rebat tunai 10 ribu ringgit dan subsidi kadar faedah 2 peratus ke atas pinjaman penuh untuk menggantikan bas sekolah lama berusia melebihi 25 tahun kepada bas baru yang berkapasiti 12 hingga 18 tempat duduk. Skim pinjaman ini diuruskan oleh BSN ditawarkan untuk tempoh permohonan 2 tahun bermula 1 Januari 2013.

149. Keduanya, penyediaan Skim Perlindungan Insurans Kemalangan Diri, hilang upaya kekal dan kematian kepada semua murid sekolah yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah berpermit. Usaha ini akan memanfaatkan seramai 2 juta pelajar dengan perlindungan maksimum sebanyak 100 ribu ringgit dan kos premium sebanyak 40 juta ringgit untuk tempoh 2 tahun yang akan diselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat.

Mengurangkan Kos Pembelajaran Pelajar

Tuan Yang di-Pertua,

150. Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan pelajar terutama mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah. Kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan khusus

kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang merangkumi bantuan geran per kapita, bantuan makanan asrama, Rancangan Makanan Tambahan, pembelian buku teks dan bantuan bayaran tambahan persekolahan. Untuk ini, sebanyak 2.6 bilion ringgit diperuntukkan pada tahun 2013.

151. Pada pembentangan Bajet 2012, saya telah mengumumkan bantuan persekolahan 100 ringgit kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Bagi meringankan beban persekolahan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan sekali lagi akan meneruskan pemberian bantuan persekolahan 100 ringgit kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Bantuan ini akan dibayar mulai Januari 2013 dan bermanfaat kepada 5.4 juta pelajar melibatkan peruntukan sebanyak 540 juta ringgit.

152. Kerajaan akan meneruskan program Baucar Buku 1Malaysia kepada setiap pelajar IPT dan pra-universiti. Suka saya mengumumkan, bahawa nilai baucar akan ditingkatkan daripada 200 ringgit kepada 250 ringgit. Langkah ini melibatkan peruntukan 325 juta ringgit dan akan memanfaatkan seramai 1.3 juta pelajar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

153. Kerajaan juga amat prihatin akan bebanan kos pendidikan tinggi anak-anak. Bagi membantu meringankan tanggungan kewangan ibu bapa, Kerajaan mencadangkan pelepasan cukai sedia ada bagi pendidikan tinggi anak-anak sebanyak 4,000 ringgit seorang sekarang ini, dinaikkan kepada 6,000 ringgit mulai tahun taksiran 2013. Langkah ini menunjukkan komitmen dan tumpuan Kerajaan ke atas pelaburan bagi meningkatkan tahap pendidikan generasi muda yang akan memberi manfaat kepada negara pada masa hadapan.

154. Bagi menggalakkan sikap menabung untuk pendidikan, sukacita juga saya mengumumkan di sini bahawa pelepasan cukai yang telah pun diberi sehingga 3,000 ringgit bagi Skim Simpanan Pendidikan Nasional dinaikkan kepada 6,000 ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

155. Menurut hukum, hutang wajib dibayar. Pinjaman PTPTN satu amanah. Ia adalah satu keistimewaan, bukan satu hak. Jika hutang PTPTN tidak dibayar, ia akan menafikan hak-hak pelajar masa depan. Oleh itu, bagi memudahkan proses pembayaran balik, Kerajaan akan memperkenalkan beberapa insentif. Pertama, bagi peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun selepas pengumuman ini, bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas jumlah pinjaman mereka.

156. Manakala, bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang mencadangkan supaya keseluruhan hutang peminjam PTPTN dimansuhkan. Ini adalah satu perbuatan yang amat tidak bertanggungjawab kerana jika dimansuhkan, siapa yang akan menanggung lebih 30 bilion ringgit hutang PTPTN. Bukankah yang akan terbeban adalah rakyat Malaysia? Bertanggungjawabkah jika kita yang berhutang masyarakat yang menanggung. Itulah persoalannya.

Program Jalur Lebar untuk Rakyat Termiskin di Bandar

Tuan Yang di-Pertua,

157. Kerajaan akan menubuhkan 100 Pusat Internet 1Malaysia bagi Tahun 2013 hingga 2015 di dalam bandar seperti di

kawasan perumahan rakyat. Pusat ini dilengkapi dengan kemudahan komputer dan perkhidmatan jalur lebar bagi kegunaan harian dan meningkatkan kegiatan sosioekonomi mereka. Untuk itu, SKMM akan menyediakan peruntukan sebanyak 150 juta ringgit.

Menggalakkan Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat

Tuan Yang di-Pertua,

158. Kerajaan berharap pihak swasta, badan korporat serta syarikat berkaitan Kerajaan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan dan kesejahteraan rakyat melalui Tanggungjawab Sosial Korporat atau '*Corporate Social Responsibility*'. Bagi menyokong usaha Kerajaan untuk merencanakan aktiviti CSR, program yang akan dilaksanakan oleh GLC dan agensi termasuklah:

Pertama: FELDA akan melaksana dan menyiapkan projek perumahan generasi baru sebanyak 20,000 unit untuk tempoh lima tahun di atas 5,000 ekar tanah dalam kawasan Felda. Projek ini akan menelan belanja sebanyak 1.5 billion ringgit dalam tempoh tersebut. Di samping itu, FELDA telah memperuntukkan sebanyak 60 juta ringgit bagi memperbaiki rumah-rumah kampung tradisi di sekitar rancangan. FELDA juga akan berbelanja sebanyak 100 juta ringgit setahun untuk program pendidikan dan latihan kemahiran serta biasiswa kepada 5000 anak generasi baru di mana 2,000 orang dari jumlah ini adalah terdiri dari anak-anak dari luar Felda;

Kedua: Yayasan 1MDB akan menyediakan 300 juta ringgit bagi pemberian geran pendidikan, bantuan kewangan, pembinaan rumah arau untuk pelajar pra-sekolah di pedalaman

Sarawak, Klinik Bergerak 1Malaysia dan program membaiki rumah bagi golongan miskin dan daif; dan

Ketiga: Syarikat-syarikat GLIC dan GLC akan memperuntukkan hampir 500 juta ringgit untuk menjalankan CSR dalam bidang pembangunan komuniti, biasiswa, pendidikan, sukan dan alam persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua,

159. Sebaik manapun dasar yang telah digubal pihak Kerajaan tidak akan bermakna tanpa pelaksanaan yang cekap serta berkesan. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat awam negara yang merupakan jentera pelaksanaan dasar negara sama ada yang berada di peringkat daerah, pihak berkuasa tempatan, negeri mahupun pusat.

160. Kerajaan juga ingin mengambil peluang ini untuk mengiktiraf peranan yang dimainkan Kementerian Kewangan sebagai pelaksana dasar fiskal negara, Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab terhadap dasar monetari negara dan Suruhanjaya Sekuriti yang mengawal keutuhan pasaran modal kebangsaan.

161. Makanya, sebagai Kerajaan yang mengenang budi, suka saya mengumumkan pemberian bonus sebanyak satu setengah bulan gaji. Seperti kita tahu, dari jumlah ini, setengah bulan telahpun diberikan menjelang perayaan Aidilfitri yang lepas, sejumlah setengah bulan gaji lagi akan diberikan pada bulan Disember kelak manakala setengah bulan lagi akan diberikan pada bulan Januari nanti. Diharapkan pemberian bonus ini akan mengurangkan beban para penjawat awam terutamanya yang berkeluarga sempena musim awal persekolahan. Kepada pesara Kerajaan, bayaran bantuan 500 ringgit akan diberikan.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua,

162. Bajet yang baru saya bentangkan untuk tahun 2013 ini adalah bajet terakhir sebelum pilihanraya umum ke-13. Ia merupakan antara siri-siri bajet yang akan mendorong negara tercinta ke arah pencapaian wawasan nasional.

163. Dengan izin Allah SWT dan dengan sokongan serta dukungan rakyat Malaysia, InsyaAllah kita akan menyaksikan enam lagi bajet yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum Malaysia berubah status daripada sebuah negara membangun berpendapatan sederhana tinggi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

164. Sebagai parti yang telah dimandatkan, kami menyeru agar rakyat menilai secara kritikal dan rasional akan titipan rekod kejayaan yang dimiliki oleh Barisan Nasional. Kerajaan BN dan sebelum itu Perikatan telah selama 55 tahun mencipta kehidupan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

165. Kita tahu ada pihak yang menyeru supaya mereka diberi peluang untuk membentuk Kerajaan. Secara berlapang dada, dalam sebuah negara yang demokratik, kita faham tidak salah menawarkan diri, kerana mereka juga ada hak namun pada akhirnya, rakyatlah yang akan menentukan siapa akan mendapat mandat melalui peti undi.

166. Kini, masanya hampir tiba apabila rakyat Malaysia akan membuat pilihan bagi menentukan masa depan mereka dan anak-anak mereka. Persoalan yang perlu ditanya semasa membuat keputusan ialah, sama ada kehidupan mereka hari ini lebih baik berbanding semalam dan adakah hari

esok menjanjikan harapan yang sarat dengan peluang serta potensi. Jika jawapannya ya, maka tanpa ragu-ragu berilah mandat kepada Kerajaan yang ada untuk meneruskan dan menambahbaik apa yang ada.

Tuan Yang di-Pertua,

167. Pujangga bermadah, bumi mana tak ditimpa hujan, gading mana yang tidak retak. Kita akur, Kerajaan BN tidak bebas dari kekhilafan tetapi yang membezakan kami dan mereka ialah mereka tidak mempunyai ketawadu'an untuk mengakui kesilapan sebaliknya mencipta alasan demi alasan dengan penuh gempita menyalahkan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

168. Pucuk pangkalnya, pihak yang menawarkan alternatif ini juga perlu dinilai catatan rekod mereka. Kerana mereka bukannya tidak dikenali rakyat Malaysia. Malah, ada di kalangan mereka pernah diamanahkan sebagai kepimpinan tertinggi yang mengurus khazanah negara. Tidak cukup dengan itu, hari ini di beberapa negeri mereka juga mengepalai Kerajaan.

169. Kalau hari ini mereka menjanji itu dan ini, rakyat Malaysia harus bertanya, apabila pemimpin berkenaan, ketika masih berjawatan dulu, kenapa tidak melaksanakan apa yang dikokokkan. Hakikatnya, jika ketika berpeluang, tidak melaksanakan segala yang dijanji, apatah pula jaminan mereka akan melunaskannya jika diberi kuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

170. Bukankah apabila berhadapan dengan krisis kewangan Asia, hampir ranap negara ini dibuatnya? Jika kini, di negeri-negeri yang ditadbir mereka, apa yang terkandung dalam manifesto mereka sendiri pun masih tinggal janji,

mana mungkin mereka boleh dipercayai dengan amanah dan kuasa.

171. Ini berbeza dengan kerajaan BN. Apabila berjanji, ditepati. Bahkan sebelum berjanji pun lagi, kita bersikap bertanggungjawab, dengan menentukan sama ada janji itu boleh ditunaikan atau tidak. Bukannya mengambil sikap asal menang, segalanya-galanya sanggup dipertaruhkan. Sebaliknya bila menang, janji hilang entah ke mana.

Tuan Yang di-Pertua,

172. Kata Plato *“The measure of a man is what he does with power”*. Justeru, hari ini, kita dapati, untuk berkuasa, ada sesetengah pihak sanggup mengadu domba antara agama dan bangsa, sanggup menggadai segala-galanya hatta prinsip sekalipun demi kerakusan kuasa. Kerajaan BN, dibimbing prinsip *“fastabiqul khairat”* sepertimana terkandung di dalam ayat al-Quran yang saya baca pada awal ucapan tadi, iaitu berlumba-lumba melakukan kebaikan.

173. Kalau kita lihat lagi, hakikatnya Kerajaan BN adalah perintis kepada perpaduan kaum yang menjadi teras kestabilan nasional tetapi pihak lain yang ingin menjadi Kerajaan merintis kekuatan melalui konflik dan kebencian. Kerajaan difitnah dan dituduh semahunya.

174. Maka, saya menyeru rakyat Malaysia supaya menghakimi Kerajaan BN dengan amal perbuatan bukannya retorik. Marilah bersama-sama saya dan rakan-rakan untuk kita melepas bebaskan segala potensi yang ada bagi membina sebuah negara yang boleh kita banggakan. Sebuah negara yang mana yang susah dibantu, yang lemah dilindungi, yang berada membantu, yang kuat melindungi, yang muda dikasihi, yang tua dihargai, yang memerlukan dikhidmati dan yang berbakat digilap.

175. Sesungguhnya, kita mahukan Malaysia yang tersanjung di persada antarabangsa. Malaysia yang makmur dan aman. Malaysia yang menjadi cahaya dan oasis di tengah-tengah ketidakpastian global. Mudah-mudahan dengan izin-Nya dan sokongan padu rakyat, kita bakal membina sebuah realiti dari impian. Kepada Allah kita berserah.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya mohon mencadangkan.

LAMPIRAN

KAJIAN SEMULA CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

Kedudukan Semasa

Kadar cukai pendapatan individu pemastautin adalah progresif iaitu antara 0% hingga 26% ke atas pendapatan bercukai. Kadar cukai pendapatan ini yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2010 adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai
1 – 2,500	0%
2,501 – 5,000	1%
5,001 – 20,000	3%
20,001 – 35,000	7%
35,001 – 50,000	12%
50,001 – 70,000	19%
70,001 – 100,000	24%
Melebihi 100,000	26%

Cadangan

Bagi membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup dan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin diturunkan 1 mata peratusan bagi kumpulan pendapatan bercukai RM2,501 hingga RM50,000. Perbandingan kadar cukai pendapatan individu semasa dan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa	Kadar Cukai Dicadangkan
1 – 2,500	0%	0%
2,501 – 5,000	1%	0%
5,001 – 20,000	3%	2%
20,001 – 35,000	7%	6%
35,001 – 50,000	12%	11%
50,001 – 70,000	19%	19%
70,001 – 100,000	24%	24%
Melebihi 100,000	26%	26%

Penjimatan bayaran cukai pendapatan berikutan pengurangan kadar cukai di atas adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Semasa			Cadangan			Penjimatan	
	Kadar Cukai	Cukai Tanpa Rebat (RM)	Cukai Dibayar* (RM)	Kadar Cukai	Cukai Tanpa Rebat (RM)	Cukai Dibayar* (RM)	(RM)	(%)
1 - 2,500	0%	0		0%	0			
		0	0		0	0	**	**
2,501 - 5,000	1%	25		0%	0			
		25	0		0	0	**	**
5,001 – 20,000	3%	450		2%	300			
		475	75		300	0	75	100%
20,001 – 35,000	7%	1,050		6%	900			
		1,525	1,125		1,200	800	325	29%
35,001 – 50,000	12%	1,800		11%	1,650			
		3,325	3,325		2,850	2,850	475	14%
50,001 – 70,000	19%	3,800		19%	3,800			
		7,125	7,125		6,650	6,650	475	7%
70,001 - 100,000	24%	7,200		24%	7,200			
		14,325	14,325		13,850	13,850	475	3%
Melebihi 100,000**	26%			26%				

* selepas rebat RM400 bagi pendapatan bercukai sehingga RM35,000

** tidak dikenakan

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013.

LAMPIRAN 2

KAJIAN SEMULA CUKAI PENDAPATAN KOPERASI

Kedudukan Semasa

Layanan cukai pendapatan ke atas koperasi adalah seperti berikut:

- i. Kadar cukai pendapatan koperasi adalah progresif iaitu antara 0% hingga 26% ke atas pendapatan bercukai; dan
- ii. Koperasi dikecualikan cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftarannya. Selepas tempoh ini, koperasi masih dikecualikan cukai pendapatan jika Kumpulan Wang Ahli kurang daripada RM750,000.

Dividen yang diterima oleh ahli koperasi dikecualikan cukai.

Cadangan

Bagi memastikan koperasi terus berkembang maju, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan koperasi diturunkan antara 1 mata peratusan hingga 7 mata peratusan di semua kumpulan pendapatan bercukai. Perbandingan kadar cukai pendapatan koperasi semasa dan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa	Kadar Cukai Dicapadangkan
1 – 20,000	0%	0%
20,001 – 30,000	2%	0%
30,001 – 40,000	6%	5%
40,001 – 50,000	9%	5%
50,001 – 60,000	12%	5%
60,001 – 75,000	12%	10%
75,001 – 100,000	16%	10%
100,001 – 150,000	20%	15%
150,001 – 250,000	23%	20%
250,001 – 500,000	26%	22%
500,001 – 750,000	26%	24%
Melebihi 750,000	26%	25%

Penjimatan bayaran cukai pendapatan koperasi berikutan pengurangan kadar cukai di atas adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Semasa		Cadangan		Penjimatan	
	Kadar Cukai	Cukai Dibayar (RM)	Kadar Cukai	Cukai Dibayar (RM)	(RM)	(%)
1 – 20,000	0%	0	0%	0		
		0		0	*	*
20,001 – 30,000	2%	200	0%	0		
		200		0	200	100%
30,001 – 40,000	6%	600	5%	500		
		800		500	300	38%
40,001 – 50,000	9%	900	5%	500		
		1,700		1,000	700	41%
50,001 – 60,000	12%	1,200	5%	500		
		2,900		1,500	1,400	48%
60,001 – 75,000	12%	1,800	10%	1,500		
		4,700		3,000	1,700	36%
75,001 – 100,000	16%	4,000	10%	2,500		
		8,700		5,500	3,200	37%
100,001 – 150,000	20%	10,000	15%	7,500		
		18,700		13,000	5,700	30%
150,001 – 250,000	23%	23,000	20%	20,000		
		41,700		33,000	8,700	21%
250,001 – 500,000	26%	65,000	22%	55,000		
		106,700		88,000	18,700	18%
500,001 – 750,000	26%	65,000	24%	60,000		
		171,700		148,000	23,700	14%
Melebihi 750,000	26%		25%			

*tidak berkenaan

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013.

LAMPIRAN 3

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI KEUNTUNGAN HARTANAH

Kedudukan Semasa

Cukai Keuntungan Hartanah (CKHT) adalah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah bagi membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah. Kadar CKHT adalah progresif antara 0% hingga 30% bergantung kepada tempoh pegangan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah mulai tarikh pemerolehan seperti berikut:

Tempoh Pelupusan	Kadar CKHT		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Penduduk Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Dalam tempoh 2 tahun	30%	30%	30%
Dalam tahun ke 3	20%	20%	30%
Dalam tahun ke 4	15%	15%	30%
Dalam tahun ke 5	5%	5%	30%
Dalam tahun ke 6 dan seterusnya	5%	0%	5%

Bagi merancakkan pasaran hartanah yang agak perlahan, mulai 1 April 2007 hingga 31 Disember 2009 CKHT telah dikecualikan. Mulai 1 Januari 2010, CKHT telah dikenakan semula pada kadar 5% ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan. CKHT tidak dikenakan bagi pelupusan hartanah dalam tempoh melebihi 5 tahun. Mulai 1 Januari 2012, kadar CKHT telah dikaji semula bagi membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah seperti berikut:

Tempoh Pelupusan	Kadar CKHT		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Penduduk Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Dalam tempoh 2 tahun	10%	10%	10%
Dalam tahun ke 3 hingga ke 5	5%	5%	5%
Dalam tahun ke 6 dan seterusnya	0%	0%	0%

Cadangan

Bagi terus membendung aktiviti spekulasi hartanah, adalah dicadangkan kadar CKHT ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah dikaji semula seperti berikut:

Tempoh Pelupusan	Kadar CKHT Dicadangkan		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Pemastautin Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Dalam tempoh 2 tahun	15%	15%	15%
Dalam tahun ke 3 hingga ke 5	10%	10%	10%
Dalam tahun ke 6 dan seterusnya	0%	0%	0%

Pemilik hartanah yang tidak bermotifkan keuntungan dan spekulasi tidak akan terbeban dengan kajian semula kadar CKHT ini. Mereka layak menuntut pengecualian CKHT seperti berikut:

- i. Pengecualian CKHT ke atas keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup kepada individu (warganegara dan pemastautin tetap);
- ii. Pengecualian CKHT sehingga RM10,000 atau 10% daripada keuntungan bersih, yang mana lebih tinggi, daripada pelupusan hartanah kepada individu (warganegara, pemastautin tetap dan bukan warganegara); dan
- iii. Pengecualian CKHT ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu.

Di samping itu, CKHT hanya dikenakan ke atas keuntungan bersih setelah ditolak semua kos terlibat seperti harga belian, kos pengubahsuaian, yuran guaman dan duti setem.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah mulai 1 Januari 2013.

LAMPIRAN 4**KAJIAN SEKATAN MASA BAGI TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN****Kedudukan Semasa**

Taksiran atau taksiran tambahan cukai pendapatan boleh dikeluarkan jika didapati pembayar cukai tidak mengemukakan taksiran atau mengemukakan taksiran yang kurang daripada jumlah cukai pendapatan yang sepatutnya. Taksiran-taksiran tersebut hanya boleh dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi 6 tahun selepas tamatnya tahun taksiran yang berkenaan.

Cadangan

Bagi memberi lebih kepastian kepada pembayar cukai dan selari dengan amalan terbaik, adalah dicadangkan sekatan masa untuk mengeluarkan taksiran atau taksiran tambahan cukai pendapatan dikurangkan daripada 6 tahun kepada 5 tahun.

Sekatan masa ini tidak terpakai bagi kes-kes penyiasatan, pengikraran palsu dan kecuaiian. Cadangan ini tidak mengubah keperluan menyimpan rekod selama 7 tahun selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 82 dan 82A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2014.

LAMPIRAN 5**PERLUASAN GALAKAN CUKAI BAGI MENGGOMERSIALKAN PENEMUAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) INSTITUSI PENYELIDIKAN AWAM****Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi mengkomersialkan penemuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) institusi penyelidikan awam berasaskan sumber adalah seperti berikut:

A. Syarikat Pelabur

Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari yang mengkomersialkan penemuan R&D institusi penyelidikan awam.

B. Syarikat Subsidiari Yang Mengkomersialkan Penemuan R&D Institusi Penyelidikan Awam

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun.

Galakan cukai ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 11 September 2004.

Cadangan

Bagi memastikan penemuan R&D institusi penyelidikan awam dikomersialkan dengan lebih meluas, adalah dicadangkan penemuan R&D berasaskan bukan sumber diberi galakan berikut:

A. Syarikat Pelabur

Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari yang mengkomersialkan penemuan R&D institusi penyelidikan awam.

B. Syarikat Subsidiari Yang Mengkomersialkan Penemuan R&D Institusi Penyelidikan Awam

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun.

Aktiviti/produk berasaskan bukan sumber adalah tertakluk kepada senarai aktiviti di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tarikh Kuat Kuasa

Galakan cukai ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 29 September 2012 hingga 31 Disember 2017.

LAMPIRAN 6**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI
BAGI PELABUR BUDIMAN (ANGEL INVESTOR)****Kedudukan Semasa**

Pelabur budiman yang melabur dalam syarikat teroka (venture company) di peringkat pembiayaan modal benih (seed capital financing), pembiayaan permulaan (start-up financing) atau pembiayaan peringkat awal (early stage financing) layak menuntut potongan ke atas jumlah pelaburan yang dibuat. Potongan ini terhad kepada pendapatan perniagaan sahaja.

Cadangan

Bagi menarik lebih ramai pelabur budiman menyediakan pembiayaan modal dalam syarikat teroka, adalah dicadangkan jumlah pelaburan pelabur budiman dalam syarikat teroka diberi potongan daripada semua jenis pendapatannya.

Antara kriteria kelayakan untuk galakan ini adalah seperti berikut:

A. Pelabur Budiman

- i. Adalah individu yang tiada hubungan dengan syarikat teroka sebelum membuat pelaburan;
- ii. Merupakan pemastautin dengan pendapatan tahunan tidak kurang daripada RM180,000;
- iii. Hendaklah memegang sekurang-kurangnya 30% saham dalam syarikat teroka bagi tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun; dan
- iv. Semua sahamnya dalam syarikat teroka mesti dibayar secara tunai.

B. Syarikat Teroka

- i. 51% saham syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia;
- ii. Aktiviti syarikat teroka yang layak yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan
- iii. Jumlah pendapatan terkumpul adalah tidak melebihi RM5 juta dan mempunyai trek rekod kurang dari 3 tahun (berdasarkan laporan kewangan terkini semasa permohonan dikemukakan).

Tarikh Kuat Kuasa

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2017.

LAMPIRAN 7**PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN DANA ANUITI****Kedudukan Semasa**

Syarikat insurans hayat dan takaful keluarga juga turut menawarkan produk anuiti. Pelaburan dalam produk anuiti adalah satu alternatif atau tambahan pelaburan bagi maksud persaraan. Pulangan produk anuiti dibayar secara berkala apabila pelabur mencapai umur 55 tahun. Premium yang dibayar oleh pelabur skim anuiti dikumpulkan dalam dana hayat atau dana keluarga. Pendapatan pelaburan daripada kedua-dua dana ini dikenakan cukai pendapatan pada kadar 8%.

Pendapatan pelaburan daripada skim persaraan (termasuk skim anuiti) telah diberi layanan cukai seperti berikut:

A. Individu

- i. Pengecualian cukai ke atas pendapatan pencen daripada persaraan wajib menurut undang-undang bertulis;
- ii. Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada skim anuiti syarikat insurans dan takaful Malaysia;
- iii. Pengecualian cukai ke atas caruman yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi persaraan wajib; dan
- iv. Pengecualian cukai ke atas gratuiti yang diterima bagi:
 - a. persaraan wajib apabila mencapai umur 55 tahun;
 - b. persaraan wajib yang ditetapkan di bawah undang-undang bertulis;
 - c. persaraan awal disebabkan masalah kesihatan; dan
 - d. persaraan wajib menurut perjanjian penggajian atau perjanjian kolektif yang menetapkan umur bersara apabila mencapai 50 tahun tetapi tidak melebihi 55 tahun tertakluk kepada syarat tempoh berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dengan majikan yang sama.

B. Dana Skim Persaraan

- i. Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana KWSP;
- ii. Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana pencen majikan swasta yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- iii. Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana Skim Persaraan Swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan

Bagi menggalakkan individu melabur dalam skim anuiti sebagai tambahan kepada simpanan persaraan, adalah dicadangkan layanan cukai ke atas dana skim anuiti disamakan dengan dana skim persaraan yang lain iaitu diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana anuiti.

Dana anuiti ini hendaklah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan diakaunkan secara berasingan dalam dana hayat atau dana keluarga.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012.

LAMPIRAN 8**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PENGUSAHA PELANCONGAN****Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi pengusaha pelancongan adalah seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia dengan syarat membawa masuk tidak kurang daripada 500 pelancong asing setahun; dan
- ii. Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan dalam Malaysia dengan syarat mengendalikan tidak kurang daripada 1,200 pelancong tempatan setahun.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2011.

Cadangan

Bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi menarik dan pilihan utama pelancong asing dan tempatan, adalah dicadangkan pengusaha pelancongan diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia dengan syarat membawa masuk tidak kurang daripada 750 pelancong asing setahun; dan
- ii. Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan dalam Malaysia dengan syarat mengendalikan tidak kurang daripada 1,500 pelancong tempatan setahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.

LAMPIRAN 9**GALAKAN CUKAI BAGI PUSAT
JAGAAN KANAK-KANAK****Kedudukan Semasa**

Majikan yang menyediakan pusat jagaan kanak-kanak diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Potongan ke atas perbelanjaan bagi menyedia dan menyelenggara pusat jagaan kanak-kanak;
- ii. Potongan ke atas elaun jagaan anak yang diberi kepada pekerja; dan
- iii. Elaun Bangunan Industri dengan kadar 10% setahun ke atas bangunan pusat jagaan kanak-kanak.

Pengusaha pusat jagaan kanak-kanak swasta tidak diberi galakan cukai.

Cadangan

Perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti adalah penting bagi memastikan anak-anak mendapat asuhan dan penjagaan awal yang sewajarnya semasa ibu-bapa bekerja. Bagi menggalakkan lebih ramai majikan dan sektor swasta menyediakan pusat jagaan kanak-kanak, adalah dicadangkan:

A. Galakan cukai bagi majikan ditambah baik seperti berikut:

- i. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi menyedia dan menyelenggara pusat jagaan kanak-kanak; dan
- ii. Potongan dua kali ke atas elaun jagaan anak yang diberi kepada pekerja.

B. Galakan cukai bagi pengusaha pusat jagaan kanak-kanak swasta baru dan sedia ada seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai pada peringkat pendapatan berkanun ke atas semua pendapatan untuk tempoh 5 tahun; dan
- ii. Elaun Bangunan Industri dengan kadar 10% setahun ke atas bangunan pusat jagaan kanak-kanak.

Pusat jagaan kanak-kanak swasta baru dan sedia ada hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tarikh Kuat Kuasa

Cadangan A : Mulai tahun taksiran 2013.

Cadangan B : Mulai tahun taksiran 2013

LAMPIRAN 10**GALAKAN CUKAI BAGI PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH****Kedudukan Semasa**

Pengusaha pendidikan pra-sekolah swasta yang menjalankan aktiviti secara bersepadu dengan sekolah rendah swasta diberi galakan cukai seperti berikut:

- A.** Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 5 tahun; atau

Pengecualian cukai bersamaan 100% perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Pengecualian ini dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2015.

- B.** Elaun Bangunan Industri dengan kadar 10% setahun ke atas bangunan sekolah.

Cadangan

Pendidikan pra-sekolah merupakan teras utama dalam penyediaan dan pembangunan peringkat awal minda kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan sebenar. Bagi membantu mengurangkan kos operasi pengendalian dan menambah baik kualiti perkhidmatan pra-sekolah swasta sedia ada dan baru, adalah dicadangkan galakan cukai disediakan seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai pada peringkat pendapatan berkanun ke atas semua pendapatan untuk tempoh 5 tahun; dan
- ii. Elaun Bangunan Industri dengan kadar 10% setahun ke atas bangunan pra-sekolah.

Pra-sekolah swasta baru dan sedia ada hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013.

LAMPIRAN 11**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN BAGI AMANAH PERNIAGAAN****Kedudukan Semasa**

Amanah perniagaan (business trust – BT) adalah satu perniagaan yang menggunakan struktur unit amanah sebagai asas perniagaannya. Ia ditubuhkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Operasi perniagaan BT diuruskan oleh pengurus amanah (trustee-manager - TM) yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pihak BT dan pemegang unit amanah.

BT sesuai bagi perniagaan yang berintensif modal dan dengan aliran tunai yang stabil, BT boleh membuat agihan pulangan perniagaan dengan lebih cepat. Pengenalan BT akan memperluaskan rangkaian produk pelaburan dan kelas aset dalam pasaran modal.

Cadangan

Bagi menggalakkan pembangunan dan pelaburan dalam BT, adalah dicadangkan:

- i. BT diberi layanan cukai pendapatan, duti setem dan cukai keuntungan hartanah sama seperti syarikat;
- ii. BT dikecualikan duti setem ke atas surat cara pindah milik perniagaan, aset atau hartanah yang diperolehi; dan
- iii. Pihak yang melupuskan hartanah atau saham dalam syarikat hartanah kepada BT dikecualikan cukai keuntungan hartanah.

Galakan cukai di perenggan (ii) dan (iii) di atas diberi secara *one-off* di peringkat awal penubuhan BT.

Tarikh kuat kuasa

- Cadangan (i) : Mulai berkuat kuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012.
- Cadangan (ii) : Bagi surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2013.
- Cadangan (iii) : Bagi pelupusan hartanah atau saham dalam syarikat hartanah mulai 1 Januari 2013.

LAMPIRAN 12

**GALAKAN CUKAI KE ATAS PENERBITAN
AGRO-SUKUK, SUKUK RUNCIT DAN BON RUNCIT**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menerbitkan *sukuk* termasuk *sukuk* runcit diberi potongan cukai ke atas perbelanjaan penerbitannya. Kebanyakan *sukuk* dilanggan dalam skala besar oleh pelabur institusi, syarikat besar dan pelabur individu yang berpendapatan tinggi.

Syarikat yang menerbitkan bon termasuk bon runcit tidak layak mendapat potongan cukai ke atas perbelanjaan penerbitannya.

Penerbitan *sukuk* runcit dan bon runcit melibatkan kos tambahan seperti *rating rationale fee, underwriting and placement fees, facility agency fee*, kos pengiklanan dan percetakan prospektus.

Surat cara bagi melanggan *sukuk* dan bon di Bursa Malaysia dikenakan duti setem pada kadar 0.1% ke atas nilai *sukuk* dan bon tertakluk kepada had maksimum RM200.

Cadangan

- A. Bagi menggalakkan penerbitan *sukuk* terutamanya bagi sektor pertanian, adalah dicadangkan potongan cukai dua kali diberi ke atas perbelanjaan penerbitan *Agro-Sukuk* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.
- B. Bagi mengurangkan kos penerbitan *sukuk* runcit dan bon runcit di samping menggalakkan penglibatan lebih ramai pelabur individu dalam pasaran modal, adalah dicadangkan:
 - i. Potongan cukai dua kali diberi ke atas kos tambahan menerbitkan *sukuk* runcit dan bon runcit; dan
 - ii. Pengecualian duti setem diberi ke atas surat cara bagi melanggan *sukuk* runcit dan bon runcit yang disempurnakan pelabur individu.

Tarikh Kuat Kuasa

Cadangan A : Mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.

Cadangan B (i) : Mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2015.

Cadangan B (ii) : Bagi surat cara yang disempurnakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Disember 2015.

LAMPIRAN 13**KAJIAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI
PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA****Kedudukan Semasa**

Pembelian rumah kediaman pertama telah diberi pengecualian duti setem 50%. Pengecualian adalah ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman. Pengecualian duti setem ini diberi bagi pembelian rumah pertama berharga tidak melebihi RM350,000 oleh rakyat Malaysia dan layak dituntut sekali sahaja.

Rumah kediaman pertama bermaksud satu keadaan di mana individu tidak memiliki sebarang rumah (atau tidak memiliki sebahagian rumah dalam keadaan milikan bersama) di atas namanya semasa memohon pengecualian duti setem tersebut. Rumah kediaman termasuk rumah teres, kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa.

Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

Cadangan

Bagi terus membantu mengurangkan kos pemilikan rumah kediaman pertama dan mengambil kira peningkatan harga rumah pada masa kini, adalah dicadangkan pengecualian duti setem di atas dilanjutkan sehingga 31 Disember 2014 dan had kelayakan harga rumah dinaikkan kepada tidak melebihi RM400,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014.

LAMPIRAN 14**GALAKAN CUKAI BAGI PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI****Kedudukan Semasa**

Tiada galakan cukai bagi membantu usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai.

Cadangan

Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pembeli rumah yang terjejas akibat projek perumahan terbengkalai dan bagi memastikan projek ini berjaya dipulihkan, adalah dicadangkan pihak yang terlibat dengan usaha pemulihan ini diberi galakan cukai berikut:

A. Institusi perbankan dan kewangan

Pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima daripada kontraktor penyelamat.

B. Kontraktor penyelamat

- i. Potongan dua kali ke atas bayaran faedah dan semua kos yang terlibat dalam mendapatkan pinjaman untuk memulih projek terbengkalai;
- ii. Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi tujuan membiayai pemulihan projek perumahan terbengkalai; dan
- iii. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi tujuan pindah milik tanah atau projek perumahan terbengkalai.

C. Pembeli asal rumah terbengkalai

- i. Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi tujuan pembiayaan tambahan; dan
- ii. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik rumah.

Projek perumahan terbengkalai yang layak mendapat galakan cukai di atas hendaklah disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tarikh kuat kuasa

- Cadangan A : Bagi pinjaman yang diluluskan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015 untuk tempoh 3 tahun taksiran berturut-turut mulai tahun pinjaman diluluskan.
- Cadangan B (i) : Bagi pinjaman yang diluluskan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015 untuk tempoh 3 tahun taksiran berturut-turut mulai tahun pinjaman diluluskan.
- Cadangan B (ii) & (iii) : Surat cara jual beli yang disempurnakan bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.
- Cadangan C : Surat cara jual beli yang disempurnakan bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

LAMPIRAN 15**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI KAWALAN KESELAMATAN****Kedudukan Semasa**

Galakan Elaun Modal Dipercepatkan diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi:

- i. Peralatan kawalan keselamatan yang dipasang di kilang dan semua premis perniagaan; dan
- ii. Sistem penjejakan kenderaan (Global Positioning System) yang dipasang di lori kontena yang mempunyai Lesen Pembawa A dan lori kargo am yang mempunyai Lesen Pembawa A dan C.

Elaun modal ini layak dituntut sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

Senarai peralatan kawalan keselamatan dan pemantauan yang layak diberi elaun modal ini adalah seperti berikut:

- i. Sistem penggera anti kecurian;
- ii. Sistem pengesanan gerakan inframerah;
- iii. Siren;
- iv. Sistem kawalan laluan masuk;
- v. Televisyen litar tertutup;
- vi. Sistem pengawasan video;
- vii. Kamera keselamatan;
- viii. Kamera penerima tanpa wayar;
- ix. Kelengkapan rakaman tertunda dan kelengkapan video pengesanan gerakan; dan
- x. *Global Positioning System*.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2012.


Cadangan

Bagi terus menyokong usaha syarikat pengilang dan perniagaan meningkatkan keselamatan, adalah dicadangkan galakan Elaun Modal Dipercepatkan bagi kawalan keselamatan dikaji semula seperti berikut:

- i. Tempoh Elaun Modal Dipercepatkan dilanjutkan selama 3 tahun lagi;
- ii. Elaun modal ini diperluaskan kepada syarikat yang memasang peralatan kawalan keselamatan di kawasan perumahan; dan
- iii. Senarai peralatan sedia ada termasuk cermin keselamatan dan butang panik.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
JD005168